



● BIL 259 ● 26 APRIL - 2 MEI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



PENANTIAN LEBIH SEDEKAD

BAKAL BERAKHIR >>> 3

Kemajuan Malaysia
dalam STI positif

>> 5

Vibes positif kini
melanda negara

>> 7

Bahagia hidup
sendiri?

>> 9-11

KL20 2024

Teknologi kerjasama DBKL - Hangzhou

SYED HAZIQUE & DIANA AMIR

SIDANG Kemuncak KL20 2024, menyaksikan satu surat niat (Lol) di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kerajaan Rakyat Perbandaran Hangzhou dimeterai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata perjanjian tersebut memfokuskan kepada kerjasama Startup City Connect dan bakal membuka peluang kepada usahawan dan pemain teknologi komunikasi.

"Lol ini akan memberi manfaat jangka panjang kepada kedua-dua bandar dan akan membantu meningkatkan lagi pelaburan serta memberi peluang yang luas kepada pertukaran teknologi tinggi terutama dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan pembangunan ekosistem syarikat startup di antara Malaysia dan Republik Rakyat China," katanya baru-baru ini.

Zaliha berkata menerusi kerjasama ini ia akan membuka prospek penting bagi usahawan dan pemain teknologi komunikasi di kedua-dua negara untuk terus berinovasi dan memajukan teknologi.

"Melihat kepada perkembangan pesat industri startup di Republik Rakyat China, perkongsian pengetahuan dan kepakaran bersama terutama dalam bidang teknologi dan inovasi akan memberi nilai tambah yang akan meningkatkan Malaysia.

"Lol ini turut akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang seperti kerjasama ekonomi dan perdagangan, program bandar pintar, e-dagang, pembangunan ekosistem startup dan rangka kerja



SESI pemeteraian yang berlangsung di antara DBKL dan Kerajaan Rakyat Perbandaran Hangzhou baru-baru ini.

pengawalseliaan kecerdasan buatan (AI)," katanya.

Tambah beliau, Sidang Kemuncak KL20 2024 yang dianjurkan selama dua hari ini menghimpunkan syarikat pemula, pelabur dan pemimpin industri untuk memupuk inovasi, kerjasama serta pertumbuhan ekosistem syarikat pemula di Malaysia.

"Ia juga membantu melonjakkan Malaysia sebagai kuasa besar dalam industri elektronik dan elektrik (E&E) di persada dunia terutamanya melibatkan inovasi, penyelidikan dan pembangunan.

"Selain itu, penganjuran Sidang Kemuncak KL20 2024 ini juga memberi kelebihan kepada Wilayah Persekutuan, khususnya Kuala Lumpur untuk mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan ibu kota Kuala Lumpur menerusi pembangunan fizikal, sosioekonomi, kawalan perancangan serta perkhidmatan perbandaran secara terancang dan selaras berteraskan tadbir urus

yang cemerlang," ujarnya.

Sementara itu, pelabur-pelabur antarabangsa mengiktiraf bahawa kini adalah masa yang tepat untuk melakukan pelaburan di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata antara faktor keyakinan itu adalah kerajaan yang stabil dan tadbir urus yang baik; sifat pro-perdagangan dan pendirian neutral oleh rakyat Malaysia memenuhi permintaan rakan dagangan pada masa ini.

"Pengumuman dibuat berikutan pelaburan asing yang diluluskan berjumlah RM188 bilion. Ia jelas mencerminkan pergerakan dalam aktiviti rantai nilai yang lebih tinggi kerana dunia menunjukkan keyakinan terhadap apa yang tenaga kerja kita mampu lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian sempena Sidang Kemuncak KL20 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tambah Anwar, KL20 dirangka dengan minda bagi mengalu-alukan pelaburan berkualiti dan bernilai tinggi dari segenap pelosok dunia selain menumpukan pada usahawan tempatan bagi merebut peluang ke peringkat global.

"KL20 secara strategiknya selari dengan falsafah ekonomi pentadbiran pusat kerajaan ini di bawah Rangka Kerja Ekonomi Madani.

"Ia didukung oleh prinsip bahawa pertumbuhan dan pengagihan ekonomi bergerak seiring dan pelarasan kerajaan mesti sejajar dengan kuasa pasaran," kata beliau.

Selain itu, Perdana Menteri turut mengumumkan Khazanah Nasional akan melancarkan National Fund-of Funds dengan peruntukan awal RM1 bilion untuk melabur dalam syarikat Malaysia berpertumbuhan tinggi yang inovatif.

Menurut Anwar, dalam pengumuman Belanjawan Malaysia MADANI 2024 pada Oktober lalu, beliau menggariskan komitmen kerajaan untuk membantu syarikat Malaysia memabutkan usahawan Bumiputera, syarikat baharu dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk terus meningkat.

"Kerajaan juga menyasarkan untuk memusatkan agensi pelaburan seperti Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) dan Penjana Kapital di bawah Khazanah.

"Dalam hal ini, saya berbesar hati untuk berkongsi bahawa Khazanah Nasional akan melancarkan National Fund-of Funds dengan peruntukan awal RM1 bilion untuk melabur dalam

syarikat Malaysia berpertumbuhan tinggi yang inovatif," ujarnya.

Tambah Anwar, negara terus menyaksikan aliran keyakinan berterusan daripada pelabur di semua bahagian ekosistem permulaan memabutkan 25 syarikat yang akan memberi peluang kepada Malaysia mencipta usaha niaga teknologi canggih.

"Pelaburan hari ini antara lain memabutkan dana kekayaan negara, Khazanah Nasional, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Blue Chip Venture Capital yang akan melabur sehingga RM3 bilion dalam ekosistem Asia Tenggara dan Malaysia di bawah Inisiatif Pelaburan ASEAN.

"Sebanyak 12 firma modal teroka antarabangsa akan menubuhkan pejabat dan dana baharu di Kuala Lumpur dengan saiz aset di bawah pengurusan melebihi berbilion-bilion dan rekod prestasi pelaburan yang cemerlang. Ini membolehkan penemuan syarikat pemula Malaysia yang baik dan dipupuk untuk berjaya pada peringkat global," katanya.

Selain itu, Anwar menjelaskan, syarikat berteknologi tinggi juga akan menubuhkan operasi, kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta ibu pejabat serantau mereka, untuk melayani pasaran Asia dan Asia Tenggara.

Menurut beliau, dalam semikonduktor, pegangan besar Malaysia di bahagian belakang menjadikannya kondusif untuk meneruskan kerja bahagian hadapan bernilai tinggi, terutama dalam kategori reka bentuk Litar Bersepadu (IC).

Bakal beri pulangan lumayan buat negara dan pelabur

BANYAK manfaat yang diperolehi pelabur-pelabur yang melabur di Malaysia di samping mampu memberi tonik kepada ekonomi negara.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid** berkata ia bersandarkan kepada kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung pelabur antarabangsa mengiktiraf ketika ini adalah masa tepat untuk mengadakan pelaburan.

Katanya, pelbagai faktor boleh diambil kira berhubung dengan masa terbaik bagi melakukan pelaburan.

"Antaranya nilai ringgit yang mana ia dilihat terkurang nilai atau *undervalued* seperti yang dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

"Ini bererti nilai ringgit

berpotensi untuk mengalami kenaikan dalam nilainya pada masa hadapan, apabila para pelabur yakin untuk melabur di negara," katanya.

Tambah Mohd Afzanizam, secara matematikanya juga akan memberi pulangan yang lumayan kepada para pelabur.

"Apabila mereka membuat pelaburan pada masa kini, maka nilai yang bakal naik pada masa hadapan akan menyumbang kepada pulangan.

"Ia bakal membuatkan para pelabur tertarik untuk terus melakukan pelaburan di Malaysia," ujarnya.

Malah, menurutnya lagi, aset-aset kewangan seperti bon dan juga saham rata-ratanya *undervalued* dan merupakan antara faktor menarik para pelabur untuk melakukan pelaburan di Malaysia kini.



NILAI ringgit berpotensi untuk mengalami kenaikan dalam nilainya pada masa hadapan. - Gambar hiasan

Selain itu, jelas Mohd Afzanizam, perkara seperti dasar-dasar ekonomi negara yang konsisten juga menjadi rangsangan.

"Sudah pasti dengan perkongsian maklumat yang tepat serta dasar yang jelas dengan hala tuju maka ia akan menarik mereka untuk datang ke Malaysia," katanya.

Tambahnya, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi 2024 kepada 4.4 peratus berbanding 4.3 peratus yang diunjurkan sebelum ini.

Jelasnya, Dalam Tinjauan Ekonomi Dunia April 2024, IMF masih mengekalkan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK) benar Malaysia sebanyak 4.4 peratus bagi 2025.

Katanya, institusi kewangan antarabangsa itu juga mengunjurkan kadar inflasi di negara ini pada paras 2.8 peratus bagi 2024 dan 2.5 peratus bagi tahun depan.

"Ini jelas meyakinkan lagi bahawa prestasi ekonomi negara berada dalam landasan tepat buat para pelabur terus melakukan pelaburan di Malaysia.

"Dengan ini, perkembangan ekonomi negara akan terus membangun dan berkembang sekali gus menarik lebih ramai pelabur asing di masa hadapan," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Afzanizam turut memaklumkan, sekiranya ia membawa kepada prestasi pasaran kewangan yang cemerlang, maka ia akan menyumbang kepada pulangan pelaburan yang lebih baik kepada institusi-institusi tempatan.


LEBIH 10 tahun penjawat awam menanti kenaikan emolumen.

Wajah baharu perkhidmatan awam

Naik gaji tingkat prestasi

AZLAN ZAMBRY

KENAIKAN emolumen penjawat awam yang dijangka akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelang Sambutan Hari Pekerja 1 Mei ini bakal meningkatkan prestasi golongan tersebut bahkan turut memberdayakan perkhidmatan awam negara.

Pensyarah Kanan Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Kajian Pembangunan Universiti Malaya (UM), **Dr Mohamad Tawfik** Yaakub berkata penjawat awam di negara ini bukan sahaja sudah terlalu lama tidak menikmati kenaikan gaji tetapi mereka juga akan lebih bermotivasi untuk menyampaikan perkhidmatan di luar kebiasaan.

"Menerusi kenaikan ini, ia dilihat mampu meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan inilah yang kita mahukan malah sehingga hari ini ada penjawat awam yang mempunyai corak kerja yang di luar kebiasaan dan skop kerja tetapi mereka

akan lebih berdaya saing dengan penstrukturan gaji baru ini," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Mohamad Tawfik, rakyat juga akan meletakkan harapan yang tinggi dalam sistem penyampaian dasar, pelaksanaan dan maklumat daripada penjawat awam yang juga tulang belakang kepada jentera kerajaan.

"Saya yakin semangat dan wajah baharu perkhidmatan awam akan muncul selari dengan kenaikan emolumen yang bakal diumumkan oleh Perdana Menteri.


TAWFIK

"Selain itu, rakyat akan mendapat manfaat yang besar berikutan kenaikan itu nanti turut akan meningkatkan nilai perkhidmatan awam negara," katanya.

Mohamad Tawfik berkata tidak timbul pengumuman berkenaan bermotif politik memandangkan sudah lebih 10 tahun tiada kenaikan emolumen kepada penjawat awam sebelum ini.

"Saya mengunjurkan untuk semua pihak supaya melihat usaha berkenaan dari aspek positif dan

jangan terperangkap dengan mainan politik tidak sihat yang berhasrat mengetepikan usaha untuk menghargai penjawat awam yang telah banyak berjasa kepada negara," katanya.

Dalam pada itu, Moahamad Tawfik berkata beliau sememangnya menjangkakan usaha Perdana Menteri mendorong kenaikan emolumen penjawat awam merupakan langkah pertama dalam usaha mereformasikan perkhidmatan awam ke arah lebih berkualiti sesuai dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Ia mestilah bermula menerusi satu pasukan jentera yang ada motivasi dan mendokong setiap perubahan yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan.

"Jika jentera iaitu penjawat awam tidak dihargai, maka kita sukar untuk mendapatkan kualiti kerja dan pelaksanaan reformasi yang dihasratkan oleh kerajaan mungkin tidak menyeluruh.

"Justeru, ini adalah asas atau tapak penting kepada semua pihak untuk memulakan langkah drastik reformasi perkhidmatan awam di Malaysia," katanya. 📌

Pacu pertumbuhan ekonomi domestik

BERITA baik berkenaan kenaikan emolumen kakitangan awam yang dijangka diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mampu memberi suntikan positif terhadap ekonomi domestik.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata kenaikan tersebut pastinya menjadi suntikan tunai kepada ekonomi melalui peningkatan kuasa beli yang sebenarnya telah merosot berikutan kenaikan kadar inflasi terutamanya selepas pandemik COVID-19 berlalu.

"Dengan kenaikan tersebut maka perbelanjaan bulanan dapat ditampung dan juga memungkinkannya mereka untuk membuat pembelian yang besar seperti kediaman dan kenderaan, di mana kedua-duanya merupakan *big-ticket* items dalam komponen ekonomi domestik yang dapat melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara," katanya.

Menjelang lanjut, Aimi Zulhazmi berkata kebiasaannya kenaikan penggajian dan suntikan tunai ke dalam ekonomi pasti akan meningkatkan permintaan ke atas barangan dan keperluan yang menyebabkan kenaikan inflasi, namun beliau melihat usaha kerajaan ini lebih kepada untuk menampung kekuatan kuasa beli kakitangan awam yang telah banyak berkurangan.

"Hakikatnya inflasi tidak semua buruk kecuali yang besar tingkatannya dan mendadak naiknya, inflasi yang naik juga menunjukkan ekonomi itu sihat, dinamik dan juga menyumbang kepada peningkatan KDNK," katanya.

Menurut beliau, kenaikan

penggajian awam yang akan diumumkan ini pasti akan turut memberikan kesan kepada kakitangan swasta.

"Ini kerana akan berlaku persaingan yang lebih sengit di antara sektor swasta dan kerajaan dalam menarik *the best talents*.

"Sektor swasta yang selama ini menawarkan pergajian yang lebih tinggi akan terkesan dengan aliran *turnover* yang lebih tinggi pekerja-pekerjanya yang berhenti, maka untuk mengekalkan *talent* yang ada dan menarik talent yang terbaik di pasaran buruh seharusnya sektor swasta juga perlu memperbaiki tawaran emolumen masing-masing.


DR AIMI

Beliau berkata kerajaan telah melaksanakan polisi gaji minima dan dasar itu berjaya walaupun pada awalnya mendapat tentangan para majikan.

"Pada hemat saya, kerajaan kini sedang mengolah polisi gaji progresif supaya kesesuaian kenaikan pergajian dengan ekonomi semasa terutamanya kadar inflasi yang terus mengancam.

"Kerajaan sendiri menjadi peneraju ke arah ini dengan memperbaiki emolumen kakitangannya sendiri dahulu untuk menjadi contoh dan teladan kepada majikan-majikan lain," katanya.

Selain itu, katanya penstrukturan semula ekonomi Malaysia termasuklah penggajian tenaga buruh negara lebih dari 16 juta orang ini agak mencabar dan sekiranya berjaya dilaksanakan ia akan meletakkan ekonomi negara di landasan yang terbaik untuk menjadi negara berpendapatan tinggi seperti yang disasarkan dalam Agenda Ekonomi Madani. 📌

Penjawat awam perlu jalani kursus antirasuah secara berkala

PENJAWAT awam perlu memastikan integriti dan kualiti perkhidmatan mesti dipertingkatkan selari dengan kenaikan gaji yang akan diterima pada tahun ini.

Presiden Pemmerhati Rasuah Malaysia (MCW) **Jais Abdul Karim** berkata kenaikan yang akan diumumkan pada 1 Mei ini mestilah disertakan dengan penambahbaikan mutu pekerjaan terutamanya integriti.

"Adalah wajar penjawat awam yang bakal menikmati kenaikan gaji ini dikehendaki menandatangani perjanjian khas

untuk menjadi bertambah baik dan sanggup menerima hukuman yang lebih berat jika mereka masih mengulangi kesalahan yang sama.

"Mereka juga wajib menjalani kursus etika dan kesedaran antirasuah secara berkala dengan lebih kerap bagi meningkatkan mutu pekerjaan mereka," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menurut Jais, pihaknya

bersetuju bahawa kenaikan amat diperlukan demi memenuhi keperluan asas kehidupan yang meningkat sekali gus dapat mengurangkan gejala rasuah.


JAIS

"Melalui kenaikan ini, MCW melihat integriti dan motivasi kehidupan penjawat awam pasti akan meningkat kerana terdapat kaitan yang tinggi antara faktor rasuah dan kos sara hidup.

"Ramai penjawat awam

memberi alasan mereka berdepan tekanan kewangan hingga terpaksa membuat pilihan termasuk menerima rasuah atau berhutang bagi memenuhi keperluan keluarga," katanya.

Jais berkata kenaikan gaji merupakan perkara asas yang mesti diberikan bagi mengelakkan mereka terpalit dengan masalah integriti disebabkan tekanan kewangan dan ketidakseimbangan ekonomi.

"Seperti di negara maju yang lain, gaji yang mencukupi telah terbukti berjaya meningkatkan

mutu perkhidmatan dan profesionalisme mereka. Malah, negara jiran Indonesia juga telah memberi kenaikan gaji khas lapan peratus untuk penjawat awam mereka.

"Pemikiran yang segar tanpa perlu memikirkan sangat tentang kekangan kewangan sudah pasti akan membolehkan mereka fokus kepada tugas harian dan ia adalah perkara normal kepada setiap manusia," katanya.

Jais berpendapat bahawa insentif dan ganjaran sedia ada dalam perkhidmatan awam sekarang sudah mencukupi. 📌

Didakwa abai kaum India

Kerajaan tidak pilih 'bulu'

JIKA diteliti sedalam-dalamnya konsep Malaysia MADANI itu sendiri, jelas menunjukkan ia memainkan peranan penting dalam menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sentiasa memastikan tiada satu kaum pun yang tercicir dalam agenda arus pembangunan negara.

Namun, baru-baru ini pelbagai tuduhan mendakwa Anwar telah mengabaikan kebajikan kaum India sedangkan semua sedia maklum PM telah pun menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan isu-isu membelenggu masyarakat India dapat diselesaikan.

Lebih teruk segelintir pihak menuduh beliau hanya memberi perhatian terhadap kaum Cina sehingga mengabaikan kaum India yang setia menyokong selama ini.

Punca Parti Rakyat India Malaysia (MIPP) secara rasmi diterima sebagai anggota penuh Perikatan Nasional (PN) juga turut dikaitkan dengan perkara tersebut.

Fitnah yang keterlaluan itu dicipta untuk kepentingan sendiri dan dilihat sebagai gerakan yang sengaja mahu mengapi-apikan keharmonian kaum yang selama ini penuh dengan keamanan.

Sebelum ini, Anwar menyangkal tuduhan tersebut malah menegaskan tidak pernah sesekali mengabaikan kepentingan masyarakat India sejak beliau menerajui jawatan tertinggi dalam pentadbiran negara.

Tidak adil jika mengatakan



ANWAR sentiasa mendekati masyarakat India bagi memastikan isu-isu yang membelenggu dapat diselesaikan.

beliau memilih 'bulu' dan tidak melakukan sebarang usaha untuk menyelesaikan masalah kaum tersebut sedangkan beberapa program sedang dirangka untuk kaum itu.

"Penyelesaian masalah kaum India bukan sahaja melalui Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA), selain itu, kita juga ada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional di mana

kita memperuntukkan RM30 juta hanya untuk kaum India (usahawan mikro).

"Ada juga Amanah Ikhtiar Malaysia, yang saya tubuhkan beberapa dekad lalu untuk orang Melayu yang sangat miskin, tetapi sekarang pada 2024, kita ada RM50 juta hanya untuk menampung keluarga India.

"Ia juga termasuk pembaikan infrastruktur asas kebersihan

di sekolah Tamil. Jika saya tidak melakukan apa-apa untuk masyarakat India, anda berhak 'menikam' saya," katanya.

Anwar berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Konvensyen Antarabangsa Dr Ambedkar dan sambutan ulang tahun kelahiran ke-133 Dr Ambedkar yang diadakan di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC) di Shah Alam, baru-baru ini. 🇲🇾

Reformasi bukan omong kosong

HANYA kerana nilai mata wang jatuh baru-baru ini, ada yang mempertikaikan reformasi yang dibawa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hanya sekadar omong kosong.

Namun tidak adil menilai kejayaan reformasi sedangkan kita tidak memahami secara terperinci apa yang dimaksudkan dengan perkataan itu sendiri.

Agenda reformasi yang dilaksanakan untuk membantu golongan rakyat yang memerlukan, tanpa mengira latar belakang politik mereka.

Menurut PM, antaranya Sumbangan Tunai Rahmah (STR), kerajaan menyediakan sebanyak RM10 bilion pada tahun ini berbanding RM8 bilion tahun lalu, yang memanfaatkan sembilan juta rakyat untuk meringankan beban mereka.

"(Selain itu) Sumbangan Asas Rahmah (SARA), kita tambah lima kali ganda daripada RM130 juta tahun lalu kepada RM700 juta, (manakala) bantuan untuk murid



REFORMASI turut memberi manfaat kepada golongan miskin.

sekolah, dari darjah satu sampai tingkatan lima semua pelajar Melayu, pelajar Cina dan pelajar India, termasuk di Sabah dan Sarawak dapat, dengan jumlahnya untuk tahun 2024 ialah RM800 juta," katanya.

Beliau yang juga Presiden KEADILAN berkata ketika menyampaikan Amanat Presiden sempena Konvensyen 25 Tahun KEADILAN, di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC), baru-baru ini.

Kerajaan juga menja-

ga kebajikan penjawat awam menerusi kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), dengan cadangan penambahbaikan yang akan diumumkan 1 Mei nanti.

"Sebab itu kerajaan melaksanakan sistem Pangkalan Data Utama (PADU), untuk membantu kerajaan memberikan bantuan kepada yang layak.

"Ini yang dikatakan reform. Saya nak nasihatkan kawan-kawan yang bicara dan agak sinis terhadap reform, reform ni dalam erti kata apa manfaat kepada golongan miskin, pekerja ladang, nelayan di kampung, pekebun kecil Melayu, India di estet, penjawat awam, ini yang mesti disampaikan dan ini memerlukan reform," katanya.

Terdahulu, selepas konvensyen khas itu, kemuncak sambutan Jubli Perak penubuhan KEADILAN akan diadakan pada 11 Mei ini, pada program Malam Sambutan 25 Tahun KEADILAN di Sentul Depot, Kuala Lumpur.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

24/5 - 2/6/24: PBAKL2024 @ WTCKL

20/7/24: Quby Run @ Kepong Metropolitan Park

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City



PUTRAJAYA

3 - 5/5/24: Jom Heboh @ Putrajaya

5/4 - 5/5/24: Insentif Kediaman Hijau Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

23 - 28/4/24: Labuan International Sea Challenge @ Labuan International Sea Sport Complex

26-28/4/24: Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Labuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

3 - 5/5/24: Labuan Big Show @ Dataran Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

Kemajuan Malaysia dalam STI positif

MENGGALAS tanggungjawab sebagai Menteri di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), **CHANG LIH KANG** memberi fokus terhadap kepentingan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Ahli Parlimen Tanjung Malim ini sentiasa berusaha untuk memastikan rakyat cakna mengenai peranan MOSTI kepada negara.

Untuk mengetahui lebih lanjut perkembangan positif STI serta cabaran dan usaha yang dilalui sepanjang membawa portfolio sebagai Menteri MOSTI pada Disember 2022, ikuti temu bual eksklusif *Wilayahku* untuk kolum YB minggu ini.



Sejak menjadi Menteri, bagaimanakah YB melihat bidang Sains, Teknologi dan Inovasi di negara kita?

Bermula menggalas tanggungjawab sebagai Menteri MOSTI pada 3 Disember 2022, saya dapati kemajuan Malaysia dalam Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) telah menunjukkan perkembangan yang positif dengan cabaran yang semakin tinggi.

Antara perkembangan positif yang boleh dilihat ialah Malaysia berada di kedudukan ke-36 dalam Indeks Inovasi Global (GII) selepas pandemik COVID-19 dan mengukuhkan kedudukan kedua dalam kalangan negara berpendapatan sederhana atas untuk inovasi.

Terdapat juga peningkatan pelaburan dalam R&D apabila kerajaan telah meluluskan 116 permohonan untuk projek R&D dengan jumlah peruntukan RM257 juta, yang menunjukkan komitmen negara untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam sains dan teknologi.

Sementara dalam usaha untuk meningkatkan kemajuan ekonomi negara dan mengurangkan pergantungan terhadap teknologi luar, kerajaan telah meletakkan fokus yang tepat pada sektor strategik. Inisiatif seperti pembangunan pelan hala tuju AI, pembangunan vaksin, robotik dan teknologi hidrogen menunjukkan usaha kerajaan untuk memajukan bidang tertentu dalam sektor strategik.

Menyedari kepentingan untuk ekosistem start up berkembang maju, kerajaan memperkukuh

ekosistem start up melalui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Ekosistem Start up Malaysia 2021-2030 yang bertujuan untuk membangunkan teknologi tempatan dan usahawan yang berpotensi melalui inovasi masa hadapan.

Boleh YB terangkan portfolio yang diketuai dan apakah agensi-agensinya di bawah kementerian ini?

Fungsi MOSTI merangkumi pembangunan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE), perkhidmatan STI serta perancangan dan pembudayaan STIE.

Fokus utama pembangunan STIE ialah dalam pembangunan R&D eksperimental, pengkomersialan, pengurusan dana, teknologi terkini, penciptaan teknologi dan start-up. Manakala fokus perkhidmatan STI ialah dalam teknologi terkini, pendigitalan, analisis data raya dan perkongsian kepakaran. Perancangan dan pembudayaan STIE lebih berfokus kepada dasar dan pembangunan bakat STI.

MOSTI juga berperanan sebagai pemudah cara dalam membina ekosistem sains dan teknologi yang komprehensif yang merangkumi STIE, perkhidmatan STI serta perancangan dan pembudayaan STIE.

Dua jabatan yang memberi perkhidmatan STI adalah Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Tenaga Atom Malaysia serta dua agensi iaitu Agensi Angkasa Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia. Terdapat dua badan berkanun di bawah MOSTI iaitu Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Malaysia

Board of Technologists (MBOT). Lapan syarikat milik kerajaan dan tiga syarikat berhad dengan jaminan kerajaan juga berada di bawah MOSTI antaranya ialah MRANTI, CRADLE, MTDC, MIGHT dan Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM). Terdapat satu yayasan di MOSTI iaitu Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan sebuah agensi badan profesional iaitu Institut Kimia Malaysia (IKM).

Difahamkan, MOSTI sebelum ini komited membangunkan vaksin buatan sendiri, apakah status mengenai perkara itu?

Sebagaimana yang kita sedia maklum, pembangunan vaksin manusia melibatkan tempoh masa yang panjang serta pelaburan yang besar. Selain dalam usaha membangunkan vaksin manusia tempatan bersama-sama KKM dan KPT, negara juga dalam usaha untuk memperoleh vaksin melalui kerjasama secara pemindahan teknologi dari negara-negara lain yang didapati berpotensi dalam kerjasama ini. Malaysia kini dalam fasa satu pembangunan vaksin tempatan di mana menjelang 2027, dua vaksin tempatan akan berada di fasa pra-klinikal.

Bagaimana memahami rakyat mengenai peranan dan tanggungjawab MOSTI kepada negara?

MOSTI sentiasa komited dalam usahanya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan STI. Ini kerana STI berupaya menambah baik kualiti

kehidupan seharian dan usaha itu akan diterjemahkan menerusi slogan Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi dan Mengarusperdanakan Inovasi.

Bagi menyokong usaha pembudayaan dan mempromosikan STI di Malaysia secara holistik, satu rangkaian kerjasama berpusat melibatkan institusi pembelajaran sains bukan formal iaitu Rangkaian Kolaborasi Pusat Sains Malaysia (MySCENT) telah ditubuhkan. Pelbagai aktiviti pembudayaan STI yang lebih strategik, dinamik dan seiring dengan tren global semasa dapat dilaksanakan dengan lebih meluas dan berkesan dengan penubuhan MySCENT ini.

Selain itu, pelbagai inisiatif kepada rakyat juga dilaksanakan seperti pembangunan telaga tiub, Ruang Daya Cipta (RDC) dan pembangunan benih padi tahan iklim dan tahan penyakit (padi nuklear). MOSTI juga telah berkongsi sistem berpandukan data satelit bersama agensi dan kerajaan negeri seperti sistem untuk memantau penanaman padi seperti MAKGEOPADI dan juga Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (Fishing Site Identification - FSI) yang berupaya membantu nelayan untuk mendapat hasil yang lebih lumayan.


Rakyat akan lebih cakna mengenai peranan dan tanggungjawab MOSTI kepada negara apabila mereka melihat dan mengalami sendiri impak STI dalam peningkatan kualiti hidup mereka seharian.

Di bawah MOSTI, terdapat Agensi Nuklear, bolehkah YB terangkan apakah keperluan agensi ini di

Malaysia?

Agensi Nuklear di Malaysia bermula pada 11 November 1971 apabila satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear (CRANE) ditubuhkan, bagi mengkaji kemungkinan Malaysia menceburi bidang teknologi Nuklear. Pada 13 April 2005 agensi ini telah digazet dengan nama baru iaitu Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Kini Agensi Nuklear Malaysia berperanan sebagai organisasi R&D utama bidang sains dan teknologi nuklear di Malaysia. Agensi ini juga berperanan untuk mengkomersialkan teknologi nuklear, memberi pendidikan dan latihan dalam memastikan penggunaan bahan radioaktif yang selamat serta menerbitkan pelbagai bahan penerbitan berkaitan sains dan teknologi nuklear.

Di antara sumbangan agensi ini kepada negara termasuklah menyelaras dan mengurus hal ehwal nuklear kebangsaan dan antarabangsa serta menjadi penghubung Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan Pihak Berkuasa Kebangsaan Bagi Pelaksanaan Terti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT). Selain itu, agensi ini memainkan peranan penting menjadi Pusat Kebangsaan Kepada Metrologi Sinaran Dan Pengurusan Sisa Radioaktif.

Dalam perubatan jitu pula, agensi nuklear telah membangunkan penghasilan agen pembawa *cold kit* (DTPA & EDTMP) yang merupakan kit radiofarmaseutikal untuk menyokong perubatan jitu. 

Tindakan sita ke atas barangan penjajaan dilaksanakan

DBKL terus gempur penjaja warga asing

AZLAN ZAMBRU

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus menggempur warga asing yang menjalankan aktiviti penjajaan dan perniagaan kecil tanpa lesen sah di sekitar ibu kota.

Menerusi hantaran di laman Facebook, Jabatan Penguatkuasaan (JPK) DBKL telah menjalankan empat operasi berasingan di beberapa kawasan *hot spot* dan tindakan telah diambil membabitkan 29 warga asing.

“Tindakan Khas Pasar Borong Kuala Lumpur telah menjalankan operasi di sekitar Jalan 1/3a, Jalan 6/3a dan Jalan Batu Hampar, Pusat Bandar Utara, Selayang pada Sabtu 20 Februari 2024.

“Pemantauan dan tindakan penguatkuasaan sekitar luar kompleks Pasar Borong Kuala Lumpur dilakukan melibatkan pemeriksaan terhadap premis-premis perniagaan borong sayuran, buah-buahan, barangan am serta aktiviti penjajaan dari warga negara asing terutamanya dikalangan Etnik Rohingya Myanmar,” katanya.

Dalam operasi tersebut, sejumlah tujuh premis dikenakan tindakan notis kompaun melibatkan kesalahan halangan tempat awam, premis tiada lesen dan melantik pembantu tanpa kebenaran dibawah kesalahan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil

Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016.

“15 tindakan sita dan pindah barangan turut diambil ke atas penjaja bukan warga negara berikutan menjalankan perniagaan tanpa lesen pihak berkuasa menerusi UUK 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016,” katanya.

Dalam operasi berasingan, JPK telah melaksanakan Tindakan Khas Aktiviti Penjaja Parlimen Bukit Bintang disekitar Jalan Sultan (Pasar Karat), Jalan Petaling dan Jalan Tun Tan Siew Sin (Jalan Silang), Kuala Lumpur Ahad lalu.

“Menerusi kawalan, pemantauan dan pemeriksaan berkaitan aktiviti perniagaan yang beroperasi sekitar kawasan tapak lama Pasar Karat di Jalan Sultan, Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Balai Polis dan Jalan Silang, tujuh tindakan sita telah dibuat ke atas penjaja warga asing yang menjalankan aktiviti perniagaan barangan-barangan terpakai, sireh dan makanan tanpa lesen dan kebenaran dari pihak berkuasa.

“DBKL turut mengeluarkan dua notis kompaun ke atas peniaga tempatan beroperasi tanpa lesen (jual aksesori / peniaga makanan) dibawah kesalahan UUK 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Kawalan penguatkuasaan dijalankan bersama Jabatan Pelesenan Pembangunan Perniagaan DBKL bagi



PENGUATKUASA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita barangan niaga milik penjaja warga asing di Sentul.

memastikan semua aktiviti perniagaan Pasar Karat beroperasi sepenuhnya dilokasi baharu berhampiran Pasar Lee Lam Thye di Lorong Bandar 21,” kata DBKL.

DBKL juga menyita perniagaan kecil jagung bakal yang dijalankan bukan warga negara menerusi Tindakan Penguatkuasaan dan Sitaan di sekitar kawasan LRT Ampang / Saloma Bridge, Jalan Saloma.


“Melalui tindakan khas itu, tindakan sitaan dan pindah barangan menerusi peruntukan

di bawah UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 - menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen dilaksanakan,” katanya.

Selain itu Pejabat Cawangan Batu melaksanakan Tindakan Khas Penjaja Warga Asing Parlimen Batu sekitar Bandar Baru Sentul, LRT Sentul Timur dan Jalan Sentul Pasar, Kuala Lumpur pada Selasa 23 April 2024.

“Kira-kira enam aktiviti perniagaan tersebut dijalankan oleh tiga warga Bangladesh,

seorang warga India dan dua penjaja Indonesia tanpa kebenaran pihak berkuasa dan tindakan sita dan pindah barang mengikut akta yang sama,” katanya.

Kesemua barangan dan peralatan yang disita, dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk dokumentasi dan tindakan selanjutnya serta pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 

Bina struktur tanpa kebenaran berisiko tinggi

PEMBINAAN struktur tanpa kebenaran amat berisiko tinggi berikutan ia jelas melanggar undang-undang serta menimbulkan situasi kacau mengganggu terhadap komuniti setempat.


Bertindak atas aduan awam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal & Elektrikal dan Pejabat Cawangan Segambut melaksanakan tindakan meroboh struktur tanpa kebenaran di Jalan Burung Jentayu, Taman Bukit Maluri Segambut Kuala Lumpur pada Isnin, 22 April 2024.

“Menerusi aduan awam komuniti setempat dan pemantauan DBKL mendapati ada pihak yang mendirikan struktur besi berbumbung kekal tanpa kebenaran DBKL di kawasan tersebut,” katanya dalam hantaran di Facebook.

Menurut sumber, struktur berkenaan berukuran 22 x 70 kaki itu baru siap dibina dan berkemungkinan akan disewakan kepada peniaga kecil.

Dalam operasi tersebut, DBKL telah mengeluarkan notis

penguatkuasaan seksyen 46(1)(a) iaitu membina atau menegak atau menyenggara tembok, pagar, susur, tiang atau apa-apa halangan di tempat awam.

Sementara itu, orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dinasihatkan untuk tidak membina apa-apa struktur sebelum mendapat kelulusan daripada DBKL bagi mengelakkan kerugian. 



STRUKTUR yang baru siap dibina tanpa kebenaran dirobuhkan selepas mendapat bantahan daripada komuniti setempat.

Vibes positif kini mula melanda negara kita


ZULKIFLI SULONG

BURSA Malaysia pada Selasa 23 April lepas mencecah paras tertinggi sejak hampir setahun lalu. Ia mencecah 1,567.57 mata menjelang 11 pagi, sebelum ditutup di paras 1,561.72 mata.

Menurut Menteri Ekonomi, Rafzi Ramli, paras 1,567.57 adalah paras tertinggi sejak pentadbiran ini menerima pengurusan negara.

Kata beliau, walaupun sentimen negatif terus dimainkan pembangkang yang seolah-olah mengharap kerosakan ekonomi negara demi kuasa yang mereka kejar, sentimen itu tidak sama dengan keadaan yang berlaku di pasaran.

Bursa Malaysia telah menunjukkan peningkatan secara konsisten sejak 12 bulan lepas untuk mencecah paras tertinggi pada paras 1,567.57 mata pagi tadi.

Itu hal ekonomi Malaysia secara umum. Banyak pihak melihat kedudukan bursa saham adalah lambang suasana ekonomi sesebuah negara.

Ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November 2022 lepas, rakyat negara ini berhadapan dengan pelbagai kekurangan.

Telur tidak ada, harga ayam, minyak masak dan lain-lain barang keperluan asas sangat tinggi di pasaran. Namun selepas beberapa bulan, perkara ini berjaya diselesaikan satu persatu.

Isu telur selesai selepas Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melaksanakan strategi mengimport telur dari India pada Desember tahun 2022, sebulan selepas pemimpin Kerajaan Madani ini mula bertugas.

Selepas itu, tiba-tiba saja telur ada dan memenuhi rak-rak barangan dari kedai runcit sehingga pasaraya di seluruh negara.

Selepas telur, isu ayam pula dikendalikan. Mulai Jun 2023,

harga ayam diapungkan oleh kerajaan. Tidak ada lagi sekatan harga.

Sejak isu, harga ayam bukannya naik bahkan turun dan berlambak di pasaran.

Sepanjang bulan Ramadan hinggalah Aidilfitri tahun ini tidak ada sebarang sungutan tentang ketiadaan bahan asas untuk membuat juadah berbuka atau hari raya.

Perkara yang belum selesai lagi adalah beras tempatan. Kerajaan memang berada dalam dilema antara mengekalkan harganya RM2.60 sekilo atau mengapungkan harga beras tempatan di pasaran.

Jika harganya diapungkan sudah pasti beras tempatan akan memenuhi pasaran balik berlawanan dengan beras import yang kini sedang meningkat harganya ekoran cuaca dunia yang tidak menentu.

Namun di satu sudut yang lain, usaha memperbanyakkan pengeluaran beras tempatan sedang giat dijalankan. Projek SMAERT SBB ala Sekinchan sedang giat dijalankan untuk meningkatkan jumlah pengeluaran padi negara ketika perebutan tanah sawah dengan pembangunan sedang hangat berjalan.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, program SMART SBB ala Sekinchan adalah model baharu yang diperkenalkan Mei tahun lalu.

Ia mengaplikasikan amalan terbaik penanaman padi di Sekinchan untuk diaplikasikan ke kawasan lain.

"Menerusi program SMART SBB ala Sekinchan, ia boleh meningkatkan hasil padi sebanyak 70 peratus berbanding kaedah biasa," katanya.

Insyallah selepas projek ini berjaya, isu beras tempatan di pasaran akan selesai.

Di mata dunia pula, Malaysia kini mendapat perhatian utama. Ketegasan dan kesungguhan PM untuk membantu Palestin dan rakyat Malaysia yang terperangkap di sana disanjung dunia.

Ucapan Anwar di Berlin bersama Canselor Jerman mendapat sorotan dunia.

Kini, rakyat Malaysia pula bercakap tentang 'Misi Gila' PM Anwar untuk menyelamatkan satu

keluarga rakyat negara ini yang terperangkap dalam kancang perang di Gaza.

Misi Gila ini diceritakan sendiri oleh individu yang terputus hubungannya dengan isteri dan anak-anak beliau yang terperangkap di celah-celah bedilan roket, kereta kebal dan bom di Gaza.

"Watak utama dalam Misi Gila ini adalah Perdana Menteri kita, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri!"

Demikian luahan Ketua Pegawai Eksekutif Cinta Gaza Malaysia, Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman yang menzahirkan rasa syukur di atas kepulangan keluarga dari Palestin ke pangkuannya.

Menerusi hantaran di Facebook miliknya, kisah bermula apabila beliau bersama sahabat iaitu Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), Dr Ahmad Sani Abdul Alim Araby berpeluang untuk menemui Anwar pada satu majlis di Shah Alam.

Menurut Muhammad Nadir, pada kesempatan itu, beliau sempat memberitahu kepada Anwar bahawa keluarganya terkandas di Rafah.

Beliau tidak berharap banyak. Namun menjelang 1 Syawal baru-baru ini, beliau dibawa untuk berjumpa dengan isteri dan anak-anaknya yang sudah selamat di bawa pulang ke tanah air.

Apa yang saya tulis ini adalah catatan seorang wartawan tentang apa yang berlaku di negara yang bernama Malaysia. Semua catatan ini memberi kita *positive vibes* atau tenaga positif bahawa kita berada di landasan yang betul dalam membina negara kita.

Sebagaimana kata Menteri Ekonomi, Rafzi Ramli, tanggungjawab membaiki ekonomi negara memerlukan perspektif jangka panjang.

"Namun, peningkatan yang berlaku (tanpa kita sedar) seperti hari ini memberi pengesahan bahawa ekonomi kita akan terus menguat," tulis beliau dan kita yang kini mula merasai vibes positif itu.

Catatan ini dibuat hanya sekadar mahu memberikan pandangan sahaja dari seorang wartawan.



PAPAN gelongsor di taman permainan dibakar pihak tidak bertanggungjawab.

Kenapa rosakkan taman awam?

KERANA sikap orang ramai yang bermentaliti kelas ketiga sekali pun disediakan kemudahan kelas pertama, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa membelanjakan RM700,000 tahun lalu membaiki pulih kerosakan di taman awam dan taman permainan di 17 lokasi di bawah seliaannya.

Semua ini kerana perbuatan vandalisme yang berlaku hampir saban tahun. Kemudahan yang disediakan untuk orang ramai berehat dan beriadah dirosakkan oleh tangan-tangan gatal yang tidak menghargai apa yang disediakan untuk mereka.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, perbuatan mereka ini ibarat kera diberi bunga. Bukan sahaja mereka tidak tahu menghargai kemudahan tetapi menyusahkan orang lain yang hendak menggunakan kemudahan tersebut.

Memetik Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi DBKL, Zulkifli Endut, perbuatan vandalisme oleh mereka yang tidak bertanggungjawab telah mencacatkan fungsi taman. Lebih daripada itu ia mengancam keselamatan pengunjung yang datang bersantai atau beriadah.

Antara bentuk vandalisme yang dilakukan ialah mencuri kabel lampu taman, membakar alatan permainan, merosakkan tiang lampu serta memecahkan lampu. Menurut pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi ada juga yang merosakkan kerusi meja atau tong sampah.

Apa manfaatnya merosakkan harta awam? Tidak ada kerja lain yang lebih bermanfaat untuk dibuat? Apabila tidak ada kemudahan, memohon dan meminta agar DBKL menyediakannya. Apabila sudah diberi tidak tahu menjaga, malah merosakkannya.

Taman awam dan tempat

rekreasi adalah harta awam yang perlu dijaga sebaik-baiknya. Tugas ini bukan sahaja terletak di bahu DBKL. Orang ramai mempunyai tanggungjawab bersama memelihara kelestarian taman berkenaan.

Sedarlah, kerajaan melalui DBKL telah membelanjakan banyak wang untuk membina dan menyediakan pelbagai kemudahan di taman-taman awam. Semua untuk kesejahteraan warga kota berehat dan beriadah bersama keluarga setelah penat bekerja. Apa rasanya apabila sampai ke taman, kemudahan banyak rosak?

Kerana itu kemudahan tersedia mesti dijaga bersama. Sudah banyak wang dibelanjakan menyediakan kemudahan, jangan pula terpaksa membelanjakan lebih banyak wang kerana vandalisme. Sepatutnya wang yang diguna untuk memperbaiki kerosakan boleh diguna untuk tujuan lain, termasuk menambah baik kemudahan taman.

Nasihat kawan-kawan Kedai Kopi kepada mereka yang sering melakukan kerosakan, ubahlah sikap. Tanam sifat sivik yang tinggi dalam diri. Belajarlah menghargai kemudahan. Sayangi harta awam seperti harta sendiri. Adakah anda akan melakukan kerosakan terhadap harta milik sendiri?

Jika memang anda jenis yang biasa merosakkan harta, buatlah di rumah sendiri. Jangan lanjutkan perangai buruk itu di tempat awam kerana harta awam adalah harta milik ramai. Kaki vandalisme tidak ada hak untuk menyentuh harta awam sesuka hati.

Diharap DBKL akan bertindak tegas terhadap mereka yang melakukan kerosakan. Orang ramai juga wajar membantu DBKL dengan melaporkan mengenai individu yang melakukan seandainya mereka nampak melakukannya. Muafakat membawa berkat.



BURSA Malaysia menunjukkan peningkatan konsisten sejak 12 bulan lepas. - Gambar hiasan

Penambahbaikan majlis rumah terbuka



KU SEMAN KU HUSSAIN

PESTA makan bersambung lagi. Selepas seminggu Hari Raya Aidilfitri, sesetengah dalam kalangan kita berdepan pula dengan majlis rumah terbuka. Berjujuk di sana sini walaupun banyaknya hanya terbuka kepada tetamu bertaraf korporat sahaja.

Selepas sebulan berpuasa, banyak yang menikmati penurunan berat badan yang ideal – bentuk badan juga menjadi lebih kurus berbanding sebelumnya. Bagaimanapun telah berubah apabila banyak undangan rumah terbuka. Bukan setiap hari malah dua atau tiga undangan sehari.

Selalunya rumah terbuka korporat dihadiri oleh orang yang sama dengan majlis berbuka puasa. Boleh dikatakan nama mereka tidak tercicir untuk rumah terbuka kerana senarai undangan itu jarang diubah – sebaliknya mengikut senarai tetamu yang lama.

Rumah terbuka anjuran pihak korporat tidak sama dengan majlis selalu diadakan secara persendirian terutama di kampung-kampung. Biasanya di kampung tidak ada undangan yang khusus, sama seperti berkunjung pada Hari Raya. Pada Hari Raya itulah sebenarnya rumah terbuka.

Datanglah berkunjung, tanpa sebarang temu janji atau undangan yang khusus. Kalau tuan rumah tidak ke mana-mana, datanglah. Itulah konsep merayakan Aidilfitri yang berakar umbi dalam kalangan masyarakat Melayu. Asasnya menggalakkan kunjung-mengunjungi yang menjadi pemangkin keakraban.

Hal itu sama dengan majlis berbuka puasa yang diadakan di masjid atau surau-sarau. Terbuka kepada semua pengunjung dan



KUNJUNG-mengunjungi merapatkan silaturahmi. - Gambar hiasan

makanlah apa yang ada. Tradisi berbuka puasa di masjid atau surau memang difahami terbuka tanpa mengira kelas sosial. Semuanya sama sahaja.

Bagaimanapun sosial adalah suatu yang dinamik. Sentiasa berubah pada bentuk yang baharu. Hal yang sama juga berlaku pada majlis rumah terbuka di mana awalnya secara kecil-kecilan berubah menjadi acara mewah dan bertaraf mega dengan penglibatan pihak korporat.

Sesetengah dalam kalangan korporat melihat rumah terbuka ada potensi untuk dijadikan ruang melebarkan hubungan sosial dengan rakan korporat dan kakitangan serta peluang di sudut penjenamaan dan pemasaran.

Sebenarnya rumah terbuka

adalah satu amalan baharu yang diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri. Ia bukan salah satu tradisi dalam budaya masyarakat Melayu di negara ini. Rumah terbuka berkembang daripada bentuk yang asal di kampung oleh gaya hidup masyarakat Melayu di kota besar seperti Kuala Lumpur.

Kita terpaksa mengakui bahawa wujudnya amalan rumah terbuka itu bertolak daripada konsep kunjung-mengunjungi dalam kalangan keluarga, sahabat handai dan jiran tetangga ketika menyambut Aidilfitri.

Disebabkan ruang waktu menyambut Hari Raya agak terbatas kerana banyak yang bercuti di kampung masing-masing, sebagai gantinya mereka mengadakan rumah terbuka atau sambutan Aidilfitri yang tertunda.

Rumah terbuka menjadi begitu popular sebagai satu amalan baharu apabila pihak korporat turut sama menganjurkan majlis untuk meraikan rakan perniagaan, pelanggan dan pihak-pihak yang berkepentingan dengan kegiatan korporatnya.

Daripada sudut pandangan dunia korporat, majlis rumah terbuka adalah penjenamaan dan pemasaran. Majlis seperti itu dimanfaatkan untuk melebarkan penjenamaan korporat dengan mengundang tetamu tertentu bagi mewujudkan jaringan sosial secara tidak rasmi.

BUKAN TRADISI

SAMA seperti majlis berbuka puasa yang sudah teranjak daripada tujuan asal menjamu tetamu berbuka puasa, terutama untuk golongan yang kurang mampu. Bagaimanapun berbuka puasa lebih pada ruang jaringan sosial dalam perniagaan. Sebab itulah golongan yang kurang kemampuan hanya dua atau tiga meja sahaja, selebihnya tetamu daripada sektor korporat.

Sekalipun orang perseorangan terus menganjurkan rumah terbuka dengan mengundang rakan taulan, sanak saudara dan jiran tetangga, acara itu kelihatan tenggelam dalam dominasi pihak korporat.

Sebenarnya amalan rumah terbuka termasuk dianjurkan oleh korporat tidak ada di banyak negara Islam lainnya. Sebaliknya pihak korporat di luar negara yang prihatin menyalurkan sumbangan secara terus kepada golongan sasaran pada musim perayaan Aidilfitri.

Sekalipun begitu menganjurkan majlis rumah terbuka tidak mendatangkan sebarang kesalahan. Walaupun bukan satu tradisi dalam budaya, khususnya budaya Melayu, rumah terbuka boleh terus diadakan selagi tidak mencemarkan kesucian Aidilfitri.

Tetapi perlu diingat bahawa rumah terbuka tidak terlepas

dengan perayaan Aidilfitri yang ada adab-adab tertentu – daripada pihak tuan rumah dan juga tetamu. Memang benar rumah terbuka bukan acara agama, akan tetapi masih membawa semangat Aidilfitri. Maka hal-hal yang berkaitan adab perlu diberi perhatian – misalnya bukan sebagai acara hiburan yang menjurus hedonisme.

Tentulah tidak sesuai kalau majlis rumah terbuka dipenuhi dengan acara hiburan dengan kelakuan yang tidak mencerminkan adab Aidilfitri. Memang benar, rumah terbuka untuk bersuka ria, akan tetapi ada adab-adab tertentu yang perlu dijaga supaya tidak mencemarkan tujuan majlis yang murni itu.

Kadangkala kita tertanya-tanya juga kenapa perlu dilambatkan persembahan hiburan pada majlis rumah terbuka? Kemeriahan bukan terletak pada hiburan yang tidak tepat dengan tujuan rumah terbuka. Kemeriahan terdetus apabila para tetamu datang dengan semangat dan adab Aidilfitri – misalnya busana tradisi atau moden yang tidak bertentangan dengan norma sosial secara umumnya.

Apabila konsep kunjung-mengunjungi itu dibuat dalam skala yang besar, maka perkara utama yang perlu diambil perhatian adalah untuk mendapat kebaikan, misalnya mengukuhkan hubungan antara satu dengan lain. Antara satu kaum dengan kaum yang lain juga perlu ditekankan dalam penganjuran rumah terbuka.

Sementara pihak korporat pula perlu membuat penambahbaikan dengan tidak meminggirkan golongan yang tidak berkemampuan - penghuni rumah anak yatim atau rumah orang-orang tua dan sebagainya.

Sebenarnya itulah teras sambutan Hari Raya Aidilfitri yang tidak melupakan golongan yang kurang kemampuan. Kalau boleh biarlah separuh daripada ruang dewan di hotel lima bintang penuh dengan golongan itu berbanding dengan rakan-rakan korporat.

Alangkah indahnya Aidilfitri melalui rumah terbuka sekiranya golongan berkenaan juga boleh merasa juadah yang bertaraf 'kayangan' yang sebelum itu hanya didengar tetapi tidak pernah dijajah. Sekali lagi, rumah terbuka tidak terputus hubungannya dengan Aidilfitri.

Maka segala sesuatu yang mempunyai pertautan dengan Aidilfitri perlu dizahirkan supaya hari yang mulia itu memberikan kemuliaan kepada semua. Oleh hal yang demikian rumah terbuka bukan majlis makan yang biasa. Hak golongan yang tidak berkemampuan secara moralnya ada dalam setiap majlis rumah terbuka dan juga berbuka puasa.


RAGAM KOTA

MUHARAM - SYAABAN

SEMUA SERBA TAK KENA



RAMADAN



MASUK SAF SAT

IN - SAF

SYAWAL - ZULKAEDAH



POLITIKUS OH POLITIKUS

Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 259 . 26 APRIL - 2 MEI 2024



Bahagia

**HIDUP
SENDIRI**

▶▶ 10-11

Henti diskriminasi golongan bujang



DIANA AMIR & HAZIRAH HALIM

SETIAP manusia yang hidup di muka bumi ini sudah pasti ingin memiliki pasangan untuk berkongsi rasa dan mempunyai bahu untuk bersandar ketika lelah mengharungi kisah suka duka kehidupan.

Firman Allah SWT bermaksud “Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan pasangan semuanya baik daripada apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan daripada diri mereka mahupun daripada apa-apa yang mereka tidak ketahui.” (Surah Yasin, ayat 36).

Jelas di sini Allah menjadikan

setiap sesuatu yang ada di muka bumi ini berpasang-pasangan agar saling melengkapi di antara satu sama lain. Namun tidak semua insan beruntung memiliki teman sehidup semati.

Kadangkala banyak faktor yang menghalang sehingga golongan ini lebih memilih untuk hidup bujang hingga ke akhir hayat. Namun, mereka ini bakal berdepan dengan persepsi negatif masyarakat.

Empat dekad lalu, perempuan yang berusia 25 tahun ke atas dan masih belum berkahwin mungkin akan dipandang pelik oleh masyarakat namun seiring masa berlalu ia bukan lagi hal yang terlalu diperkatakan umum.

Di Malaysia terdapat 44.68 peratus individu bujang dan negara ini berada di tempat ketiga dalam kalangan negara Asia Tenggara yang mempunyai paling ramai individu yang masih belum berkahwin.

Angka yang dikeluarkan oleh SEA Asia Stats itu

menunjukkan hampir separuh penduduk negara ini adalah bujang yang dikenal pasti sebagai belum berkahwin, bercerai atau balu sekali gus meletakkan Malaysia di belakang Filipina dan Brunei.

Ia berdasarkan sumber daripada Divisyen Populasi Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) Statistik Populasi & Bujang berdasarkan data pada 2021.

Dari 1970 hingga 2021, PBB mengumpulkan data perkahwinan mengenai lebih 1.6 bilion individu bujang di seluruh dunia.

Kajian itu berpendapat wujud banyak sebab menyumbang kepada pilihan golongan ini untuk terus membujang antaranya berpunca daripada kekangan ekonomi dan keperluan sosial.

Berkongsi pandangan sama, pensyarah di Jabatan Antropologi & Sosiologi di Fakulti Sastera & Sains Sosial Universiti Malaya, **Profesor Madya Dr Rosila Bee Mohd Hussain** berkata kewangan antara faktor utama ramai individu memilih untuk membujang.

“Seperti kita ketahui ekonomi sekarang dengan serba serbinya naik harga ia menjadi beban terutama kepada golongan lelaki kerana mereka ini yang perlu menyara keluarga.

“Antara faktor lain mungkin disebabkan komitmen terhadap keluarga, karier, trauma masa lalu dan banyak lagi faktor lain yang menyumbang,” ujarnya.

Mengikuti arus pemodenan, Rosila berkata masyarakat kini lebih terbuka dan tidak memandang golongan bujang ini sebagai isu sensitif.

“Kalau 40 tahun yang dahulu, perempuan yang mencecah usia pertengahan 20-an dan belum mendirikan rumah tangga

dipandang serong masyarakat sehingga wujudnya gelaran andartu namun dengan pendedahan, pendidikan, teknologi dan sebagainya kini mereka yang seusia tersebut dianggap masih muda.

“Ia satu perubahan yang memakan masa bertahun lamanya walau bagaimanapun masyarakat kini dianggap terbuka tetapi dengan keterbatasan agama dan sebagainya,” ujarnya.

Rosila berkata rata-rata golongan bujang ini lebih bebas kerana mereka tidak dikongkong dan boleh membuat keputusan sendiri.

“Sebenarnya mereka yang solo ini tidak begitu terbeban dengan masalah seperti mereka yang sudah berkahwin mungkin apabila diajukan soalan bila mahu berkahwin membuat mereka sedikit tertekan,” katanya.

NIKMATI KEBEBASAN

TIDAK dinafikan terdapat diskriminasi terhadap golongan bujang dalam sektor pekerjaan terutama di peringkat profesional.

“Kebiasaan yang kita dengar adalah golongan bujang ini akan dikerah untuk melakukan kerja lebih masa atau tidak dibenarkan cuti dengan alasan mereka tidak mempunyai sebarang komitmen.

“Orang bujang juga mempunyai kehidupan mereka sendiri. Apabila

sentiasa dikerah untuk bekerja lebih masa sedangkan mereka yang berkeluarga boleh bercuti ia akan memberi tekanan dan kesan yang buruk buat emosi dan mental individu tersebut,” jelasnya.


Tambahnya, terdapat juga situasi di mana golongan bujang akan dikenakan sewa rumah yang lebih mahal berbanding yang berkeluarga.


“Justeru itu, pendidikan dan juga pendedahan amat penting kepada golongan yang melakukan diskriminasi ini. Seperti yang saya cakap perubahan yang berlaku memakan masa bertahun sebab itu kita perlu atasinya mulai sekarang,” katanya.

Dalam pada itu, Rosila mengingatkan untuk mereka yang masih bergelar bujang perlu menggunakan kebebasan yang dimiliki sebaiknya.

“Memandangkan mereka ini tidak mempunyai komitmen terhadap institusi kekeluargaan, banyak perkara yang boleh mereka lakukan seperti menjelajah ke negara orang, mencuba sesuatu yang baru dan banyak lagi.

“Manfaatkan juga penggunaan media sosial sebaiknya kerana ia juga antara platform buat golongan *single* ini mengenali rakan baru dan sebagainya.

“Akhir sekali, tak dinafikan golongan bujang mempunyai banyak tekanan terutama dari orang sekeliling, jadi saya nasihatkan untuk mereka ini dapatkan bantuan. Jangan malu dan jangan pendam seorang diri,” katanya. 



ROSILA

Cintai diri sendiri sebelum menyintai

KADANGKALA kita meletakkan perasaan sayang kepada pasangan melebihi rasa sayang terhadap diri sendiri sehinggakan apa sahaja yang mereka lakukan kita akur biarpun diri sendiri terseksa.

Seharusnya kita sedar daripada terus terleka dibuai perasaan kerana kita perlu menyayangi diri sendiri berbanding orang lain untuk lebih tenang dan fokus mencapai matlamat dalam hidup.

Berkongsi pandangan, penyampai radio popular, **Farah Fauzana Mohd Fadzil**, 44, atau lebih dikenali sebagai Fafau, dalam apa jua keadaan paling utama adalah mencintai diri sendiri terlebih dahulu.

"Cinta itu sendiri meluas maksudnya sama ada kepada Allah, diri sendiri, pasangan, keluarga, kawan-kawan dan lain-lain. Selama lima tahun saya menjelajah ke negara orang, di situ saya belajar yang kita perlu menyayangi diri sendiri terlebih dahulu sebelum boleh menyayangi orang lain kerana apabila kita sibuk nak mengejar perkara itu, kita sampai

terlupa untuk belajar.

"Sebab itu, dalam tempoh lima tahun itu saya seronok buat apa sahaja yang saya suka, pergi ke mana-mana yang saya suka dan saya bebas," ujarnya.

Namun jika kini dia diberi peluang untuk memilih antara duit dan cinta, dia lebih mahukan cinta.

"Sekarang ini bukan kata saya memilih tapi dari segi kerja saya taknak buat semua kerja yang saya tahu akan diberi duit yang lumayan. Saya pasti sekarang ni kalau saya *all out* saya tahu akan dapat duit yang banyak tapi semua itu bukanlah keutamaan saya ketika ini," katanya.


Berkongsi lanjut, Fafau berkata sebelum ini stesen radio Hot FM juga pernah menganjurkan sebuah program yang diberi nama Fafau Single Healing Day.

"Apa yang saya perasan adalah orang bujang ini kekurangan sistem sokongan kerana tiada yang mendengar luahan hati mereka.

"Jadi saya cadangkan untuk wujudkan satu program di mana *single people* ini berkumpul dan di situ mereka boleh kongsi cerita. Selain jodoh, terdapat pelbagai faktor yang membuatkan golongan ini memilih untuk kekal membujang.

"Pada awalnya kita menerima respons kira-kira 300 hingga 400 orang yang ingin sertai program ini namun kami hanya memilih 30 peserta di mana mereka yang belum pernah berkahwin dan berumur 30 tahun ke atas sahaja," ujarnya.

Pernah melalui detik sukar namun dia meletakkan sepenuh kepercayaan kepada qada dan qadar kerana yakin jodohnya sudah ditetapkan.

"Saya percaya jodoh Allah itu ada cumanya tidak tahu bila, di mana dan sebagainya. Kehidupan *single* ini okey sebenarnya tiada masalah yang penting adalah jangan bersendirian," ujarnya. 



FFAU menekankan bahawa membujang ini tidak salah yang penting adalah untuk tidak bersendirian.



Usah takut hidup sendiri

DIKECEWAKAN berkali-kali dalam alam percintaan menjadi salah satu punca seseorang individu itu memilih untuk kekal bersendirian kerana tidak sanggup peristiwa sama berulang kembali.

Ia turut diakui Amanda, 36, yang sudah pun berpatah arang untuk menjalinkan hubungan dengan mana-mana lelaki sekali gus menyifatkan dirinya tidak beruntung dalam percintaan.

"Waktu usia 20-an hingga 30-an, saya ada rasa nak ada pasangan tetapi semua lelaki yang saya kenal hanya suka ambil kesempatan untuk kepentingan sendiri.

"Disebabkan itulah saya lebih senang bujang sampai hari ini. Sejujurnya pilihan saya bukan kerana komitmen pekerjaan atau keluarga tapi saya sudah tidak percaya dengan lelaki.

"Ditambah pula usia semakin meningkat, saya nekad untuk terus bujang dan isi masa dengan keluarga selain membeli-belah, melancong dan sebagainya," kongsiinya.


Mengakui pernah tertekan dengan pertanyaan dan desakan orang sekeliling, Amanda tidak mahu mengambil serius perkara tersebut jauh sekali untuk memikirkannya secara serius.

"Tipulah kalau tidak ada tekanan lebih-lebih lagi ketika demam, sedih termasuklah apabila melihat kawan-kawan sebaya sudah mempunyai keluarga dan anak, ia pasti menjerat emosi.

"Trauma untuk berdepan dengan kegagalan dan disakiti dalam percintaan membuatkan saya tidak pernah terfikir untuk mencari teman ditambah lagi bukan masanya lagi untuk bercinta," jelasnya.

Sementara itu, bagi ibu tunggal, Fatimah, 36, setelah berpisah dengan suami, dia berdepan dengan trauma apabila keluarga sendiri tidak dapat menerima status janda yang dibawanya.

"Segelintir masyarakat masih tertutup dengan gelaran tersebut. Janganlah kerana nila setitik, habis susu sebelanga. Bila status janda sahaja, orang fikir buruk sedangkan saya cuma nak besarkan anak.

"Apa yang berlaku dalam kehidupan ini, saya terima dengan lapang dada kerana itulah yang mampu membuatkan saya tenang. Kepada ibu tunggal yang bergelar status janda, bangkit dan kejarlah kebahagiaan, jika tiada jodoh di dunia pasti ada jodoh di akhirat," katanya. 



10 pemain The City Boys tundukkan Negeri Semb

SYUQREE DAIN


PASUKAN Kuala Lumpur City (KL City) FC mempamerkan aksi kemas dan meyakinkan apabila berjaya menjulang trofi edisi keempat Piala Menteri Wilayah Persekutuan (PMWP) 2024 dengan menewaskan Negeri Sembilan FC (NSFC) 2-1 pada 22 April di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras.


PMWP merupakan acara persahabatan pramusim berprofil tinggi KL City FC dan ia telah dipertandingkan buat pertama kali pada tahun 2021 di mana KL City FC muncul selaku juara sulung dengan menewaskan Selangor FC, namun ia bertukar tangan kepada NSFC pada edisi dua tahun lalu.

Perlawanan yang turut dijadikan sebagai ujian penggunaan sistem Video Bantuan Pengadil (VAR) secara langsung buat kali pertama itu menyaksikan KL City FC mendominasi dengan selesa dan berjaya mengawal permainan sekali gus merampas kembali takhta PMWP dari skuad Hoben Jang Hoben.

Layangan kad merah yang diterima Brendan Gan selaku rekrut terbaru skuad The City Boys pada minit ke-79 telah memaksa mereka untuk beraksi dengan 10 orang pemain

sehingga wisel penamat dibunyikan namun ia sedikit pun tidak merencatkan rentak permainan pasukan KL City FC.

Aksi kali ini turut dihadiri oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Dr Zaliha Mustafa; Menteri Komunikasi merangkap Penaung KL City FC, Fahmi Fadzil; Timbalan Presiden FAM, Datuk S. Sivasundaram dan Pengerusi NSFC, Tunku Syed Razman Tunku Syed Idrus Al-Qadri. 



ys
ilan



Mendaki laluan lava Gunung Merapi

BAYANGKAN melepak atas *bean bag*, menghirup udara nyaman sambil melayani alunan lagu-lagu malar segar daripada *live band* dalam suasana nyaman udara gunung! Lokasi atas gunung pula membuatkan Obelix Seaview di Yogyakarta, Indonesia sebagai pusat rekreasi yang ideal bagi pengunjung yang ingin *distress* sambil menghayati keindahan alam.

Kompleks liburan ini direka bertingkat-tingkat dalam kawasan terbuka di mana setiap tingkat menyediakan konsep hiburan tersendiri. Bagi yang suka aktiviti mencabar boleh mencuba ayunan buaian di tepi tebing gunung menghadap Laut India atau bergambar atas jaringan di tepi tebing gunung dengan deruan pantai di bawahnya! Di satu tingkat yang lebih tinggi, anda boleh merakam foto di *lookout point* khas berlatarbelakang langit Yogyakarta.

Sebenarnya rombongan kami yang ditaja Trend Tours & Travel dan Expeditiongoholidays seramai lebih 25 orang terdiri daripada ejen pelancongan Malaysia serta dua orang dari Thailand mengikuti lawatan selama empat hari ini pada awal Mac lalu. Pilihan lain bagi mereka yang suka aktiviti mendebarkan ialah menjejak laluan pendakian lava Gunung Merapi yang pernah meletup pada 2010 lalu.

Pendakian gunung merupakan antara destinasi paling menarik dalam pakej lawatan ini. Pada kejadian tahun 2010 tersebut, banjir lava panas dari gunung berapi Merapi telah mengorbankan 353 orang dan memusnahkan sebuah kampung! Sejak itu, pihak kerajaan telah membina tempat

perlindungan 'bunker' bagi melindungi penduduknya ketika berlaku letupan.

Rombongan menjejak laluan magma pendakian yang berjongkang-jongkit menggunakan kereta pacuan empat roda dengan emosi yang bercampur-baur antara bimbang dan teruja. Sebelum itu, kami dapat melihat daripada tingkap bilik hotel, akan asap berkepul-kepul keluar daripada puncak Gunung Merapi.

Namun kami diingatkan oleh Pak Cahyo Triono (pemandu pelancong) agar tidak panik kerana Gunung Merapi baru berada di peringkat awal letusannya. Biasanya letusan gunung berapi akan melalui beberapa fasa letupan sebelum ia menjadi bahaya dan memaksa perpindahan orang ramai dari kawasan gunung tersebut. Begitupun, agak mengecewakan kerana hujan renyai yang turun telah menyembunyikan kehebatan Gunung Merapi.

KRATON, SENI & CITARASA JAWA

YOGYAKARTA sememangnya terkenal dengan kekayaan budaya dan seni dalam gaya hidup seharian mereka. Lawatan kami bermula dengan melawat istana Diraja yang dikenali sebagai Keraton Yogyakarta yang dibuka kepada orang ramai sekalipun sultan dan keluarganya masih menetap di sebuah istana berhampiran. Namun ia berada dalam kawasan larangan kerana sultan masih melaksanakan fungsi rasminya dari kediaman tersebut. Setiap rombongan pelancong disediakan seorang jurucakap kompleks istana bagi penerangan mengenai setiap bahagian yang dilawati.

Menariknya pada sebelah malam, kami dibawa menjamu selera dalam suasana istana 'kraton' di sebuah mahligai silam yang diubah menjadi restoran lima bintang oleh pemiliknya. Tidak hairanlah restoran Sekar Kedhaton Kotagede menjadi pilihan golongan ternama.

Bahagian luar kelihatan gagah dengan tangga marmar melingkar ke sebuah dewan di tingkat atas,



beranda mengelilingi mahligai bagi tetamu menikmati pemandangan. Bahagian dalaman bercirikan seni bina Jawa mencetuskan suasana istana ala 'kraton', ditambah dengan menu tempatan dan muzik *live* menggunakan peralatan muzik tradisional di pentas khas.

LAMBAIAN DESA

KEINDAHAN alam semula jadi dan kedamaian desa sering menjadi tarikan pelancong. Kami mendapat pendedahan langsung pada gaya hidup desa penduduk tempatan menerusi lawatan ke Obelix Village yang menonjolkan suasana gaya hidup desa.

Pengunjung akan lalui laluan denai di tepi sawah padi untuk sampai ke kompleks yang luas ini. Landskap yang indah dengan bunga-bunga berwarna-warni dan pohon-pohon yang redup sangat mendamaikan perasaan. Kawasan luas ini merangkumi beberapa tarikan khas misalnya mini zoo, mini kebun dan taman bunga dengan deruan sungai cetek.

Emosi kenyamanan desa diteruskan pada pengalaman menjamu selera makanan tradisional Jawa dalam pondok kayu yang dikelilingi sawah padi! Itulah tarikan utama restoran

Swarung. Sambil menjamu selera, anda dapat melihat sekumpulan burung kecil leka mematak bijirin padi.

Satu lagi pilihan restoran berkonsep desa ialah restoran Jimbaran yang menawarkan keenakan hidangan istimewa ikan bakar dan makanan tradisional lain.

Kafe Icikiwir sememangnya menjadi tumpuan golongan pelajar pusat-pusat pengajian tinggi di Yogyakarta. Ini disebabkan menu tradisional yang ringkas seperti kerabu pucuk betik dan ayam kampung goreng.

HOTEL & MALIOBORO

SELAMA empat hari di Yogyakarta, rombongan kami berkesempatan menginap di dua buah hotel di kota raya yang kaya dengan landskap bercirikan seni bina Jawa. Pada hari pertama, kami menginap di H Boutique Hotel yang terletak di tengah kota raya ini. Hiasan dalaman yang eksklusif menyemarakkan elemen intim pada pilihan dekorasi.

Keesokannya kami berpindah pula ke Hotel 101 Yogyakarta Tugu yang menampilkan konsep gaya hidup trendi. Lokasi kolam renang di bahagian tengah hotel mencetuskan unsur air yang mencetus ketenangan.

Kebanyakan hotel-hotel utama terletak berhampiran tumpuan membeli-belah terkenal lagi sibuk di Yogyakarta iaitu Kompleks Malioboro. Anda boleh dapati pelbagai barangan batik dan kraf tempatan serta makanan dan minuman tradisional seperti jamu yang terkenal beca bermotor serta hiburan jalanan.

Sekiranya Bandung terkenal dengan kek Brownies maka Yogyakarta pula hebat dengan pilihan kuih Bakpia dalam beberapa perasa inti seperti kacang hijau (asli), coklat dan keju. 🍪



PENULIS (kanan) dan rombongan tidak melepaskan peluang merakam kenangan.





ISU

BESAR

Bakal Tiba.....



Penuhi kepuasan hati pelanggan

Biskut raya tirai besi catat jualan RM646,000

HAZIRAH HALIM

PRODUK biskut raya yang dihasilkan oleh penghuni tirai besi (prospek) yang dipasarkan melalui Galeri Jualan Produk My Pride Ibu Pejabat Penjara Malaysia (IPPM) di Kajang, Selangor mendapat sambutan di luar jangkaan dan berjaya terjual hampir 35,000 balang sempena Aidilfitri tahun ini.

Terdiri daripada 42 jenis biskut raya pelbagai pilihan antaranya almond London, tart nenas, kuih bangkit dan sebagainya, kuih yang dihasilkan ini adalah yang terpilih daripada institusi pengeluaran biskut raya.

Sebanyak 14 institusi penjara termasuk Sabah dan Sarawak yang terlibat dalam mengeluarkan produk biskut raya seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, 42 jenis biskut raya yang dijual hanya melibatkan biskut yang dihasilkan oleh prospek daripada 10 institusi penjara di Semenanjung Malaysia antaranya Penjara Wanita Kajang, Penjara Bentong, Penjara Pokok Sena dan Penjara Alor Setar.

Menurut Ketua Inspektor Jabatan Penjara Malaysia, **Firdausi Lailuddin**, biskut raya adalah produk

bermusim namun sejak dipasarkan beberapa tahun lalu, jualan sangat memberangsangkan.

"Tahun ini sehingga 5 April 2024, hasil jualan di Galeri Jualan Produk My Pride IPPM sahaja telah mencecah sehingga RM 646,000. Kami juga menerima banyak respons positif daripada pelanggan rata-ratanya berpuas hati dari segi rasa, harga serta kualiti.

"Produk kami menggunakan bahan mentah yang berkualiti serta mendapat pengiktirafan persijilan halal dari Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan MeSTI daripada Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM)," ujar beliau.


Tambahnya lagi, stigma masyarakat kini juga dilihat telah berubah dengan menganggap produk My Pride amat mementingkan kualiti serta memenuhi kepuasan hati pelanggan.

"Saya berharap produk ini akan terus mendapat sambutan pada masa hadapan disamping dapat meningkatkan lagi kualiti produk My Pride serta menghasilkan produk yang memenuhi kehendak pasaran," ujarnya.

"Pada tahun ini juga, Galeri

Jualan Produk My Pride IPPM julung kalinya memperkenalkan perkhidmatan penghantaran yang mana berkolaborasi dengan Pos Malaysia. Para pelanggan yang hadir ke galeri kami boleh menggunakan perkhidmatan ini dengan membuat tempahan di kaunter galeri dan pihak kami akan menguruskan penghantaran tersebut," ujarnya.

Mana-mana individu atau pihak yang ingin mendapatkan produk My Pride boleh mengunjungi Galeri Jualan Produk My Pride di Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang yang dibuka dari pukul 9 pagi hingga 5 petang pada setiap hari kecuali cuti am dan cuti umum.

Maklumat lanjut boleh layari laman sosial rasmi Facebook Galeri Produk My Pride atau Instagram @galeriprodukmypride. 



FIRDAUSI



Bunga sabun kembali dapat sambutan di pasaran

BERMULA sekadar mengisi masa lapang, kini **Suria Budin**, 49, menjadikan hobi gubahan bunga untuk menjana pendapatan yang memuaskan.

"Dulu ketika suami pergi bekerja, saya gunakan masa terluang melakukan kerja-kerja menjahit tapi sejak 2018, saya beralih mempelajari cara membuat bunga menggunakan sabun kerana saya pernah melihat ibu saya membuatnya," ujar suri rumah ini.

Menurutnya lagi, di awal percubaan, banyak bunga yang tidak menjadi namun, lama kelamaan usahanya berhasil. Malah, ada rakan yang memuji hasil gubahannya nampak seperti bunga hidup.

Jelas Suria, keistimewaan bunga yang diperbuat daripada sabun itu ialah ia berbau wangi dan mampu bertahan lama berbanding bunga hidup yang mudah layu.

Bahan penyediaan untuk

membuatnya juga cukup mudah kerana hanya memerlukan sabun buku, air, tepung jagung, gam, putik kapas dan dawai.

"Sabun akan diparut sebelum dikisar menjadi seperti tepung dan semua bahan akan dicampur hingga menjadi doh. Saya juga letak sedikit bahan rahsia yang dibeli dari luar negara untuk mengukuhkan struktur dan mewangikan bunga sabun ini.

"Biasanya, proses menguli doh memakan masa sehingga empat jam, jadi anak-anak dan suami selalu membantu. Sementara doh direhatkan, saya akan mula melakar gubahan bunga di atas kertas mengikut bunga yang dimahukan pelanggan manakala keluarga membantu memasang wayar di putik kapas," ujar ibu kepada dua anak perempuan berumur 14 dan 20 tahun ini.

Tempoh untuk menyiapkan sesebuah gubahan bergantung



BUNGA sabun yang dihasilkan mampu bertahan lebih dua tahun.

kepada saiz serta jumlah bunga. Jika gubahan kecil, ia mampu disiapkan dalam tempoh antara tujuh hingga 14 hari manakala gubahan besar boleh memakan

masa sehingga sebulan.

Manakala modal untuk gubahan kecil dan besar juga berbeza. Kos juga bergantung kepada bentuk, jenis dan jumlah kuntuman bunga

yang pelanggan mahukan.

"Jenis bunga yang paling banyak mendapat permintaan pula ialah bunga ros merah dan ranunculus. Harga jualan biasanya antara RM500 hingga RM1,500 tetapi ada tempahan yang saya pernah jual hampir mencecah RM2,000," ujarnya.

Selain daripada pembeli yang membeli untuk menghias rumah masing-masing, Suria turut mendapat tempahan daripada pasangan pengantin yang mahukan bunga sabun bagi majlis perkahwinan mereka.

"Dahulu, memang ramai yang tempah bunga sabun untuk majlis perkahwinan tetapi semakin lama ia tidak mendapat sambutan kerana orang lebih gemarkan bunga hidup.

"Memandangkan bunga sabun ini mampu bertahan lebih lama berbanding bunga hidup, mungkin sebab itu ia kembali mendapat sambutan," katanya. - **BERNAMA**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

MEDIA MARGA KOTA
WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan Program Sidang Kemuncak KL20 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersama-sama Kementerian Luar Negeri Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Halal Development Corporation (HDC) telah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi utama halal Kerajaan Arab Saudi.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menghadiri perlawanan bola sepak Piala Menteri Wilayah antara KL City melawan Negeri Sembilan.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu meninjau tanaman padi di PLS Marketing Sekinchan.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil bersama Menteri Sumber Manusia, Steven Sim pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara PERKESO dan Finas.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh semasa sesi Libat Urus bersama Jurulatih Program Majlis Sukan Negara (MSN) bertempat di MSN Bukit Jalil.



SKIM bantuan membolehkan pelajar lebih fokus dalam sesi pembelajaran. - Gambar hiasan

Skim Bantuan Pemakanan YWP

Bakal diteruskan Jun ini

HAZIRAH HALIM

SKIM Bantuan Pemakanan Sekolah Menengah di bawah inisiatif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bakal diteruskan bermula Jun ini.

Eksekutif Kanan Pembangunan Komuniti, Jabatan Pembangunan Komuniti YWP (P.E.S.A.T), **Siti Nadiyah Mohd Ariff** berkata ia akan dilaksanakan secara serentak bermula Jun dengan melibatkan 101 sekolah menengah yang terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

“Skim bantuan makanan ini telah dilaksanakan sejak tahun 2016 namun terhenti seketika susulan pandemik COVID-19.

“Kami faham dengan keadaan ekonomi masa kini, ramai ibu bapa yang sedang ‘berperang’ untuk menstabilkan kewangan mereka apatah lagi bagi mereka yang

mempunyai lebih daripada seorang anak yang bersekolah.

“Jadi, inisiatif ini digerakkan bagi membantu mengurangkan beban dan masalah yang dihadapi pelajar-pelajar sekolah menengah terutamanya yang terdiri daripada keluarga golongan berpendapatan rendah (B40).

“Insya-Allah dengan bantuan ini, mereka (pelajar) lebih fokus dalam sesi pembelajaran dan mereka hanya perlu fikir cara meningkatkan prestasi dalam pembelajaran untuk berjaya seterusnya mampu mengubah kehidupan keluarga pada masa hadapan,” katanya.

Menurut Siti Nadiyah, pelaksanaan skim bantuan makanan ini akan melibatkan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan pihak sekolah menengah yang terpilih.

Selain itu, YWP juga menerima RM2.9 juta dana daripada Majlis

Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), sumbangan melalui Pusat Pungutan Zakat (PPZ) menggunakan dana wakalah Tabung Haji serta dari Bank Muamalat Malaysia Berhad untuk pelaksanaan program ini bagi sesi 2024/2025.

“Jabatan Pendidikan akan mengenal pasti pelajar-pelajar dalam lingkungan B40 dan setiap hari pada waktu rehat, pelajar berkenaan boleh mengambil makanan berupa *lunch box* di kantin sekolah.

“Kami juga akan sentiasa peka dengan prosedur operasi standard (SOP) di mana makanan yang disediakan dibungkus rapi selain berupa makanan sihat,” ujarnya.

Dalam pada itu, Siti Nadiyah berkata bagi pelaksanaan di Labuan pula, YWP akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan pelajar yang layak dan terpilih tidak tercicir daripada menerima bantuan. 📌

Lindungilah kanak-kanak sebaiknya



MASYARAKAT perlu membina persekitaran selamat untuk kanak-kanak.

SEJUMLAH 7,520 orang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pada tahun 2023 sekali gus menyaksikan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak semakin meningkat dan mendapat liputan meluas di media massa, elektronik serta media sosial.

Justeru itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melancarkan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak.

Menteri Pembangunan Wanita,

Keluarga dan Masyarakat, **Datuk Seri Nancy Shukri** berkata pihaknya amat prihatin dengan isu-isu keselamatan kanak-kanak khususnya penderaan dan pengabaian terhadap golongan cilik itu.

“Hal ini kerana kanak-kanak merupakan aset penting yang bakal mencorak masa hadapan negara.

“Berdasarkan statistik JKJ, pada tahun 2022 Negeri Sembilan mencatatkan peningkatan iaitu seramai 302 kepada 405 orang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan pada tahun 2023,” ujar beliau

dalam satu kenyataan.

Nancy berkata menerusi program ini ia merupakan usaha berterusan kementerian dalam menggerakkan semua anggota masyarakat agar bersama melindungi dan membina persekitaran selamat untuk kanak-kanak.

“Program ini menjadi platform kepada masyarakat setempat khususnya guru-guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta komuniti setempat untuk berperanan dalam membantu KPWKM mencegah berlakunya peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

“KPWKM akan meneruskan pelaksanaan program advokasi ini di sekolah seluruh negara serta akan mengadakan kerjasama rentas kementerian bagi memastikan impak optimum bagi inisiatif yang dijalankan ini,” ujarnya.

Dalam pada itu, Nancy berkata JKJ melalui Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) dalam proses menaik taraf Sistem eDKK kepada sistem bersepadu yang akan dinamakan sebagai Sistem Perkhidmatan Kanak-Kanak (Sistem ANAK). 📌

HARTA ketengah tradisi warisan

SEJAK dilancarkan pada Ogos 2023, HARTA yang merujuk kepada HABIB: Action for the Revival of Traditions and Arts terus komited dalam memperjuangkan pemeliharaan, pendidikan dan dialog terbuka mengenai warisan dan budaya Malaysia.

Dari pameran berkala di galeri seni sehingga muzium barangan kemas warisan yang memukau, HARTA sering menganjurkan acara, sesi perkongsian percuma untuk orang ramai dan bengkel yang menentang tradisi-tradisi Malaysia dengan kerjasama berterusan bersama sekolah-sekolah, universiti dan institusi-institusi budaya untuk meningkatkan ilmu dan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Menurut Pengarah HARTA, **Mirsham Meer**, dalam pameran terbarunya, HARTA mempersembahkan *Interwoven Realities* iaitu sebuah pameran kumpulan yang menampilkan 32 pelukis berbakat yang mana masing-masing membawa perspektif unik dalam mendasari kewujudan seni yang kompleks.

“Pameran yang bermula pada 18 April sehingga 11 Mei 2024 itu merupakan sebuah pameran mempesonakan dengan ungkapan seni yang mengkaji persimpangan realiti yang berbeza dan jaringan sempadannya.

“Menghiasi dinding-dinding HARTA, *Interwoven Realities* menjemput pengunjung untuk meneroka pelbagai rupa dan gaya dunia yang dibentuk dan dihubungkan melalui lensa artistik.

“Selain itu, pengunjung juga boleh selami karya seni dalam beraneka stail dan medium yang mencerminkan sifat kepelbagaian realiti yang dikongsi bersama sambil melepasi batasan persepsi konvensional,” ujarnya.

Menariknya, beliau berkata *Interwoven Realities* disusun atur oleh perunding seni, Sarah Abu Bakar dengan gabungan 32 artis termasuk nama-nama terkenal seperti Anniketyni Madian, Nor Tijan Firdaus, Fazrin Abdul Rahman, Nini Marini, Agnes

Lau, Alicia Lau, Cheong Tuck Wai, Anas Afandi, Cheong See Min, Ang Xia Yi dan Kimberly Boudville.

“Sejak dari awal, HARTA terus teguh dalam komitmennya sebagai platform yang meraikan warisan dan kesenian Malaysia, jadi kami sangat teruja untuk mempersembahkan *Interwoven Realities* iaitu pameran terbesar kami setakat ini.

“Kami berharap pengunjung dapat menyelami diri mereka dalam karya-karya yang menakjubkan ini bersama 32 bakat luar biasa dan memperoleh pandangan baru melalui pameran ini,” ujarnya.

Mirsham Meer berkata *Interwoven Realities* menceritakan tenunan yang kompleks dalam kewujudan melalui tujuh naratif bertema yang diolah sendiri oleh setiap artis iaitu Abstrak (Di mana sebuah bentuk melarut jadi inti pati); Seni Digital (Penumpuan teknologi dan kreativiti); Figuratif (Kedalaman pengalaman manusia); Garis Geometri (Keharmonian tradisi, materialiti dan intropeksi); Seni Arca (Menzahirkan visi artistik dalam 3D); Seni Berdasarkan Teks (Gabungan semantik dan grafik) serta Tekstil, Serat dan Seni Alternatif (Penyusunan ekspresi emotif).

“Sehingga kini, HARTA telah menampilkan beberapa pameran seperti ‘OPEN HOUSE’, persembahan sulung yang menyelami sifat pelbagai segi tempat domestik; ‘There Will Be Dragons in My Future Dreams’ iaitu sebuah pameran oleh seniman digital, Chong Yan Chuah yang mana mengubah ruang HARTA untuk menjadi pameran imersif melalui video, muzik dan aroma. Terbaru, HARTA juga mempamerkan ‘Perjalanan 10 Tahun dalam Seni Kaligrafi Islam’ oleh Seniman Kaligrafi Islam, Husin Hourmain.

“Buat mereka yang berminat untuk melihat hasil karya-karya unik di HARTA, boleh datang pada setiap hari Selasa hingga Ahad bermula pukul 10 pagi hingga 5 petang.” 📌



ORANG awam melihat koleksi yang dipamerkan di Habib Ampang.

Membaca pemangkin tamadun bangsa

BUKU berupaya membenihkan ilham pemikiran kritis daripada segi politik, falsafah serta sosioekonomi dalam kalangan kelompok manusia dan membaca juga tidak dapat dinafikan menjadi titik permulaan penelaahan dan jelajah ilmu para cendekiawan dan filsuf dunia barat mahupun timur, klasik juga moden.

Justeru itu, amatlah penting untuk memupuk budaya membaca dalam setiap rakyat Malaysia terutamanya golongan anak muda kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Mengambil langkah ke arah membudayakan amalan membaca, pelbagai program dan acara diadakan bagi menarik golongan muda misalnya kemuncak pesta buku iaitu Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang diadakan saban tahun.

Menariknya penganjuran tahun lalu menyaksikan belia antara golongan yang sentiasa memenuhi pesta tersebut sepanjang ia berlangsung.

Ikuti temu bual eksklusif wartawan *Wilayahku* **DIANA AMIR** dan jurufoto, **SYUQQREE DAIN** juga juruvideo, **HASIF HALIMI** bersama Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, **MOHD KHAIR NGADIRON** mengenai penganjuran PBAKL 2024 serta pandangannya mengenai industri perbukuan dalam membentuk generasi masa hadapan.

Melangkah ke arah pendigitalan total, adakah benar bahawa industri buku ini sudah mati tambahan pula dengan penutupan beberapa kedai buku selepas pandemik?

Kalau kita lihat penutupan buku seperti MPH, Borders dan sebagainya adalah kerana perbezaan model perniagaan di mana ia bukan sahaja berlaku di Malaysia malah di luar negara juga banyak kedai buku berangkaian ditutup. Mungkin kerana kosnya yang tinggi namun apa yang saya boleh katakan adalah terdapat pertambahan bilangan kedai-kedai buku persendirian.

Selain itu, zaman kini orang tidak lagi menjual buku melalui penjualan secara konvensional

di kedai-kedai buku kerana telah beralih dengan medium penjualan secara dalam talian. Saya ada penerbit yang berkongsi kisah di mana penjualan buku yang dilakukan secara dalam talian mampu mencecah melebihi 5,000 naskhah bagi satu tajuk dalam satu minggu sahaja. Jadi saya berpendapat bahawa minat membaca itu memang bertambah kerana jualan buku meningkat tetapi medium dan caranya sahaja yang berbeza.

Menyedari kini negara sudah bergerak ke hadapan dan sudah beralih ke zaman pendigitalan, penganjuran pesta buku kali ini

merupakan yang ketiga kita adakan secara *hybrid* di mana ia bukan sahaja diadakan secara fizikal tetapi juga dalam talian. Dengan kaedah ini kita dapat memberi akses buku kepada seluruh masyarakat Malaysia jadi buat mereka yang jauh dan tidak berkesempatan ke sini boleh membeli buku menerusi platform *online* dengan harga sama.

Selama ini Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt menjadi tempat penjualan harta intelek di mana ia berbeza dengan pesta buku yang diadakan di sini, boleh kongsi sedikit berkenaan ASIAN Rights Fair yang akan diadakan?

ASIAN Rights Fair dikendalikan oleh Perbadanan Kota Buku di mana ia mengumpulkan pemain-pemain industri dari pelbagai negara untuk datang ke Malaysia bagi tujuan perdagangan hak cipta. Kita telah memilih lapan wakil Kedutaan Thailand, Vietnam, Filipina, Kemboja, Indonesia, Myanmar dan Iran yang akan mempromosikan buku mereka dan juga kita ada pemain industri dari China, Taiwan, India dan juga lapan negara tadi untuk bersama-sama berkumpul bagi mengadakan satu pepadanan perniagaan.

Penjualan tersebut akan diadakan selama tiga hari bermula 24 hingga 26 Mei 2024 dan ia merupakan lanjutan daripada apa yang kita

lakukan di Frankfurt. Pada tahun ini, seperti semua sedia maklum kita tidak ke Frankfurt rentetan boikot yang dilakukan pada tahun lalu tetapi kita mempunyai inisiatif lain di mana pihak kami akan ke Beijing International Book Fair pada pertengahan Jun ini.

Pada tahun lalu, sewaktu perdagangan hak cipta kita ada menjemput pihak China sebagai tetamu kehormat dan natijah selepas itu, buat pertama kali di Beijing International Book Fair, mereka telah bersetuju agar Malaysia mengemukakan sebanyak 200 judul buku untuk dijual kepada lebih 1,000 perpustakaan di Universiti China. Ia merupakan satu penerobosan perniagaan perbukuan yang paling besar pernah dilakukan.

Sebanyak 500 judul buku telah disenarai pendekkan merangkumi pelbagai genre seperti akademik, budaya, bahasa Melayu dan sebagainya di mana pemilihan telah pun dilakukan pada dua minggu lalu serta mendapat pengesahan daripada pihak China. Bagi saya ia adalah satu perkara yang luar biasa sekali gus memberi semangat kepada penulis di luar sana untuk terus menulis.

Selain itu, matlamat ASIANN Rights Book Fair ini juga adalah untuk kita mempunyai hak perdagangan buku daripada pihak ASIANN untuk kita bawa ke luar negara di mana ia sudah pun dimulakan di Chennai kerana kita mempunyai buku Tamil dan kini pihak kita sedang mencari jalan untuk mengorak langkah bagi menerobos pasaran Timur Tengah.

Ramai pemain baharu dalam industri ini, adakah ia petanda yang bagus apabila mempunyai terlalu ramai penerbit dalam satu industri?

Bagi pandangan saya, ia adalah perkara yang bagus dan perlu di mana penerbit persendirian juga tidak mengapa kerana apabila ramai penerbit maka kita akan lahirkan lebih ramai penulis sekali gus membantu menghasilkan pelbagai genre dan ini penting dalam memastikan bahawa masyarakat kita akan berkembang maju kerana mempunyai banyak bahan bacaan. Orang kata yang popular adalah buku cinta namun kini buku *healing* lebih popular dalam kalangan anak muda meskipun mungkin kita rasa ia sebuah pembacaan yang ringan namun ia penting untuk kita lihat bahawa industri ini memenuhi semua cita rasa pembaca merangkumi semua peringkat umur.

Setuju ke kalau kita katakan buku adalah lambang ketamadunan sesebuah negara?

Saya sangat setuju kerana jatuh bangunnya sesebuah negara itu boleh dilihat dengan adanya buku. Sebagai contoh Empayar

Rom di mana kita dapat mengetahui mengenai apa yang berlaku menerusi penceritaan di dalam buku-buku yang dihasilkan. Dengan adanya buku, kita tahu sejarahnya sama juga seperti Hikayat Hang Tuah dan sebagainya. Buku adalah lambang ketamadunan kita.

Ia juga merupakan lambang intelektual bangsa tersebut sebagai contoh zaman pandemik COVID-19 banyak buku yang dihasilkan inspirasi daripada apa yang berlaku tentang bagaimana kita adaptasi dengan keadaan ketika itu. Tulislah buku walau apa pun genrenya kerana setiap buku memainkan peranan penting untuk melihat diri kita sebab itu saya percaya bahawa sebuah buku *is very good namecard*.

Boleh kongsi sedikit mengenai PBAKL 2024?

PBAKL 2024 merupakan penganjuran kali ke-41 yang bakal diadakan bermula 24 Mei sehingga 2 Jun ini bertempat di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur pada pukul 10 pagi sehingga 10 malam dengan melibatkan lebih 220 pempamer dan 972 ruuai di mana terdapat peningkatan berbanding 814 ruuai pada tahun lalu.

Kalau tahun lalu, kita mula dengan sedikit kontroversi namun pada kali ini kita mula buka sewaan ruuai pada Disember 2023 dan tiga hari pertama itu kita sudah mencapai kapasiti yang maksimum di mana semua ruuai habis dijual dan sehingga kini masih ada pihak yang cuba mendapatkan tempat namun keupayaan kita hanya setakat itu sahaja. Di sini saya lihat ia satu petanda di mana pesta buku masih relevan dan mempunyai peminatnya tersendiri dan penulis serta penerbit juga melihat pesta buku ini adalah satu medan di mana mereka boleh menjual buku dan mampu mendapat sambutan menggalakkan.

Sasaran bagi penganjuran kali ini adalah sebanyak 1.5 juta pengunjung dan diharapkan dengan penganjuran PBAKL 2024 ia dapat memperkasakan industri perbukuan serta kita mahu pemain-pemain industri ini mempunyai ruang dan peluang berada di tempat berprestij dalam menjual produk mereka.

Diharapkan juga PBAKL 2024 menjadi pesta buku yang berjaya baik dari segi jualan, pengunjung dan juga komitmen kerajaan terhadap industri perbukuan. Saya sangat berterima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia yang menyatakan kesudian untuk menghadiri seterusnya merasmikan PBAKL 2024 dan saya fikir ia satu komitmen yang sangat baik kepada industri perbukuan sekali gus menunjukkan kecintaan mereka terhadap ilmu. 



Selepas tiga tahun terhenti akibat COVID-19

LBS 2.0 sasar kehadiran 50,000 pengunjung

KHAIRUL IDIN

SETELAH lebih tiga tahun tertunda akibat pandemik COVID-19, Labuan Big Show mensasarkan kehadiran lebih 50,000 pengunjung ke pesta belon udara panas bermula 3 hingga 5 Mei ini.

Pengarah Labuan Big Show (LBS) 2.0, **Arman Annuar Tan** berkata pihaknya menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti AKA Balloon Sdn Bhd dan Perbadanan Labuan untuk memastikan penganjuran kali kedua acara itu berjalan lancar dan lebih teratur berbanding sebelumnya.

"AKA Balloon Sdn Bhd mempunyai profil cemerlang dalam mengadakan penganjuran pesta belon panas di beberapa tempat termasuk di Putrajaya dan Pulau Pinang.

"Kami menyasarkan acara ini bakal menarik seramai 50,000 pengunjung luar selain Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia serta negara jiran seperti Brunei Darussalam dan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (BIMP-EAGA)," katanya kepada WilayahKu, baru-baru ini.

Arman berkata pihaknya menyediakan hampir 600 perjalanan belon panas yang boleh

memuatkan dua hingga empat orang yang tidak melebihi 200 kilogram pada satu-satu masa dan para pengunjung yang hadir akan disajikan dengan pelbagai aktiviti menarik iaitu pertunjukan cahaya belon malam, berjalan dalam belon, menaiki belon sambil menikmati pemandangan matahari terbit dan terbenam.

"Buat masa ini, untuk tempahan tiket amat laris dan berjalan lancar seperti yang dirancang sebelumnya.

"Pada hari penutup, kami akan mengadakan konsert seni dan budaya yang menampilkan persembahan Bermukun oleh kumpulan anak jati Labuan yang mengetengahkan budaya etnik Kedayan.

"Penganjuran ini dibuat untuk mengetengahkan keunikan dan kebudayaan di Labuan agar ia lebih dikenali bukan sahaja dalam negara malahan di luar negara," katanya.

Kata Arman, meskipun acara ini dianjurkan pihak swasta, ia tidak boleh menafikan bahawa penganjurannya memberikan impak positif kepada Labuan khususnya untuk sektor pelancongan dan memacu pertumbuhan ekonomi setempat.

"Kami memerlukan kerjasama daripada semua pihak sama ada agensi kerajaan, swasta mahu




PESTA belon udara panas yang dijadual pada 3 hingga 5 Mei mengasasarkan pengunjung negara ini serta Asean Timur.

pun badan bukan kerajaan (NGO) untuk mempromosikan Labuan kepada pengunjung luar khususnya.

"Kami juga sedang berusaha

untuk mengangkat acara ini supaya ia dimasukkan dalam senarai acara tahunan terbesar di Labuan seperti Labuan International Sea Challenge (LISC) dan Borneo Art

Festival.

"Kami juga yakin pada masa akan datang acara ini akan menjadi satu acara terbesar di Labuan kelak," katanya. 

Acara besar rancak ekonomi

PENGUSAHA hotel, pengangkutan awam dan para peniaga menyambut baik penganjuran tiga acara berprestij yang dianjurkan oleh Perbadanan Labuan (PL) dalam usaha memacu ekonomi di pulau ini.

Pengarah Eksekutif Palm Beach Resort dan Tiara Labuan Hotel, **Chai Tze Khee** berkata pihaknya telah bersedia sepenuhnya untuk menerima kehadiran pengunjung yang dijangka melonjak bermula minggu hadapan susulan penganjuran acara terbesar iaitu LISC 2024 dan Labuan Big Show 2.0.

"Kami jangkakan kunjungan daripada pelancong dari luar akan meningkat, pastinya dengan penganjuran acara seperti ini akan memberikan manfaat kepada kami sebagai pengusaha hotel di Labuan.

"Sudah tentu dapat membantu kami untuk bernafas kembali sekali gus meningkatkan lagi hasil dan pada masa sama kami berharap akan lebih banyak lagi penganjuran seperti ini diadakan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong ke Labuan," katanya

ketika dihubungi WilayahKu, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pemilik Bas Labuan, **Asmadi Ahmad** berkata persatuannya yang memiliki lebih 100 ahli menyambut baik dengan penganjuran acara tersebut.

Katanya, dengan adanya acara besar itu mampu meningkatkan pendapatan ahlinya yang sebelum ini amat terkesan susulan kekurangan penumpang menggunakan pengangkutan awam khususnya bas.

"Sebagai pengusaha bas di Labuan amat mengalu-alukan dan sedia bekerjasama dengan pihak penganjur untuk bersama-sama menjayakan acara yang bakal dilaksanakan sekaligus ia dapat memberikan kami peluang menjana pendapatan yang lebih pada acara tersebut," katanya.


Dalam pada itu, bagi penjaja roti kukus, **Norfaizal Osman**, menzahirkan keterujaan apabila penganjuran acara terbesar itu kerana ia merupakan lubuk

pendapatan dalam memperoleh pendapatan tambahan.

Beliau yang menjalankan perniagaan di Kampung Enoe, berhampiran Ranca-Ranca berkata selain meningkatkan hasil pendapatannya, penganjuran itu dilihat sebagai satu platform kepada dirinya untuk mengetengahkan produk jualan kepada pengunjung luar.

"Selama berniaga di sini, saya mengakui agak aktif berniaga di tapak-tapak acara yang ditawarkan oleh penganjur. Alhamdulillah, hasil pendapatan berniaga agak memberangsangkan berbanding berniaga di satu tempat sahaja sebelum ini.

"Sebagai peniaga kecil, sudah pasti saya berharap agar penganjuran acara seperti Labuan Big Show ini dapat dianjurkan setiap tahun kerana acara ini bakal menarik lebih ramai lagi pengunjung luar untuk datang ke sini dan sudah tentunya kesannya memberikan suntikan ekonomi masyarakat di sini," katanya.

Untuk rekod, tiga acara yang bakal berlangsung adalah Labuan International Sea Challenge (LISC) (23- 28 April), Labuan Big Show (3-5 Mei) dan Borneo Art Festival yang dijangka diadakan pada September ini. 



CHAI TZE KHEE



NORFAIZAL



ASMADI



FADZILLAH (kiri) melepaskan 184 pemancing laut dalam Kepulauan Spratley.

184 peserta 'berkampung' tiga hari di Kepulauan Spratley


SERAMAI 184 peserta yang menyertai acara memancing laut dalam akan 'berkampung' di Kepulauan Spratley selama tiga hari sebelum kembali semula ke Labuan pada Sabtu ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Fadzillah Mahmud** berkata bagi tujuan itu, sebanyak 16 buah kapal disediakan untuk peserta bersempena dengan Labuan International Sea Challenge (LISC) 2024.

"Kita akan teruja dengan hasil-hasil tangkapan mereka yang saiznya bukan calang-calang dan kebanyakannya memang bersaiz besar, malah jenis-jenis ikan yang di dapati juga jarang kita lihat di perairan yang cetek

"Kemuncak pertandingan itu adalah acara lelongan hasil tangkapan ikan laut dalam yang akan diadakan pada Ahad ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelepasan Acara Memancing Laut Dalam DAIWA LISC di Jeti Marina pada Selesa.

Fadzillah berkata bagi tahun ini, pihaknya merekodkan pertambahan penyertaan daripada negara luar berbanding tahun lalu yang terdiri daripada negara Hong Kong, Indonesia, Thailand, Singapura dan Kanada.

16 buah kapal tersebut akan bersaing dalam Pertandingan Memancing Laut Dalam DAIWA bagi merebut hadiah bernilai lebih RM180,000 bersempena LISC 2024. 

Program 1 Produk 1 Komuniti

Sabun minyak masak dapat sambutan

DIANA AMIR

KEMAHIRAN menghasilkan produk menggunakan barangan kitar semula oleh komuniti Putrajaya dilihat mampu menjadi salah satu tarikan kepada pelancong.

Menerusi Program 1 Produk 1 Komuniti, pelbagai produk telah dihasilkan oleh penduduk di pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan tersebut yang terdiri daripada barangan kitar semula, flora dan fauna.

Menurut Pengerusi Persatuan Penduduk P8E2, **Zarina Ismail**, program tersebut telah dimulakan sejak lima tahun lalu di mana ia bertujuan untuk meningkatkan ekonomi komuniti setempat.

“Dalam masa sama penghasilan produk daripada barangan kitar semula ini turut menyumbang kepada pemerkasaan Bandar Mampan Putrajaya menerusi inisiatif ESG 2030.

“Antara produk yang dihasilkan adalah sabun basuh pinggan dan baju sama ada dalam bentuk cecair atau buku yang dihasilkan daripada minyak masak terpakai dan tanaman pokok bidara.

“Umum mengetahui Putrajaya



KOMUNITI Presint 8 sedang menghasilkan sabun daripada minyak masak terpakai.

juga terkenal dengan hasil madu kelulut di mana produk hilirannya terdiri daripada sabun badan dan muka madu kelulut,” katanya yang juga merupakan Pengerusi Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya Berhad.

Tambahnya, kesemua produk tersebut dipasarkan sendiri oleh komuniti setempat, menerusi Majlis

Perwakilan Penduduk (MPP) dan

juga kerjasama dengan Koperasi Komuniti Penduduk Putrajaya.

Mengulas lanjut, Zarina berkata di Presint 8 mereka lebih tertumpu kepada penghasilan produk kitar semula daripada minyak terpakai.

“Pada awalnya kita mencari peluang bagaimana minyak masak terpakai ini dapat menyumbang kembali kepada ekonomi justeru itu kita dapat idea untuk hasilkan sabun cecair dan buku di mana ia dijual pada harga serendah RMI.50 mengikut saiz.



PELBAGAI reka bentuk sabun berjaya dihasilkan.

“Produk ini juga kita jual dalam bentuk hamper atau sebagai cenderahati sekali gus menyaksikan ramai pelancong luar yang datang dan menyatakan minat dengan produk tersebut.

“Selain itu, dari segi pendidikan dan kesedaran pula, MPP Sub Zon 3 telah berjaya mendidik komuniti bersama keluarga agar tidak membuang minyak masak terpakai di dalam sinki, longkang dan tanah yang akan menyebabkan kepada pencemaran tasik di Putrajaya,”

ujarnya.

Dalam pada itu, Zarina berkata mereka juga dalam perancangan untuk mewujudkan Pusat Ekonomi Komuniti Setempat (PEKS@8) di Fasa 4A Presint 8.

“Tempat ini juga akan dijadikan sebagai *Community Based Tourism* untuk kita mengumpulkan kesemua produk komuniti dan Kebun Komuniti Bandar bagi dijual semula sama ada kepada pelancong luar, dalam mahupun komuniti sendiri,” katanya. 📸

Kesihatan mental belia memuaskan

SABRINA SABRE

INDEKS Kesihatan Mental Belia Malaysia 2023 (MyMHI'23) yang merupakan indeks kesihatan mental pertama di Malaysia telah dilancarkan baru-baru ini bagi mengukur tahap kesihatan mental belia berumur antara 15 hingga 30 tahun.

Menurut Kementerian Belia dan Sukan (KBS), inisiatif berkenaan merangkumi tujuh domain iaitu gaya hidup, persekitaran, keperibadian individu, pengalaman hidup, sokongan sosial, pengendalian tekanan dan minda sihat serta disokong oleh 28 indikator.

“Secara keseluruhannya, MyMHI'23 yang melibatkan 5,867 responden itu menunjukkan kesihatan mental belia berada pada tahap sederhana memuaskan dengan skor 71.91.

“Domain pengalaman hidup mencatatkan skor tertinggi (88.51) iaitu berada pada tahap memuaskan manakala domain persekitaran mencatatkan skor terendah (65.45) yang mana berada pada tahap sederhana memuaskan,” ujarnya.

KBS memberitahu antara intervensi yang telah dikenal pasti untuk meningkatkan kesihatan mental belia adalah dengan mewujudkan ruang kediaman yang tidak terlalu sesak dan dilengkapi



KESIHATAN mental perlu diberi perhatian serius.

dengan kemudahan asas yang mencukupi sekali gus memupuk persekitaran yang bebas daripada tekanan.

“Intervensi lain ialah meningkatkan ketercapaian belia kepada perkhidmatan kesihatan mental; mempromosikan gaya hidup sihat yang meliputi penyediaan makanan sihat dan pelaksanaan aktiviti fizikal serta meningkatkan daya tahan melalui kesedaran dan kefahaman yang jelas.

“Selain itu, intervensi dikenal pasti ialah memperkasa penglibatan belia dalam persatuan dan aktiviti kesukarelawanan; memperkasa peranan ibu bapa serta penjaga melalui penguasaan kemahiran literasi kesihatan mental dan kemahiran

keibubapaan yang positif,” ujarnya.

Dalam masa sama, KBS memaklumkan usaha bagi mengkaji dan meningkatkan kesihatan mental belia Malaysia, selari dengan Strategi 1, Teras 3 Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030) iaitu Meningkatkan Kesihatan Mental, Kecergasan Fizikal Dan Kecerdasan Spiritual belia.

Terdahulu, inisiatif yang diterajui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dengan sokongan daripada pihak berkepentingan berkaitan dilancarkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh pada 22 April 2024. 📸



ORANG ramai diingatkan untuk memohon diesel bersubsidi.

SKDS 2.0 tangani penyeludupan diesel

SISTEM Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 dilancarkan kerajaan dalam memastikan hanya kenderaan yang layak sahaja boleh menikmati pembelian diesel pada harga subsidi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkata pelbagai manfaat dapat diperolehi menerusi SKDS 2.0 di mana melalui mekanisme pendigitalan yang lebih telus dan efisien ini dilihat mampu menangani risiko ketirisan dan penyeludupan diesel bersubsidi.

“Pembelian diesel bersubsidi melalui sistem Fleet Card akan

menunjukkan trend penggunaan diesel dan sebarang cubaan seleweng diesel bersubsidi dapat dikesan serta dipantau.

“Selain itu, orang ramai dapat melakukan pembelian diesel pada harga subsidi di mana kenderaan yang layak dapat menikmati diesel pada harga subsidi dengan kaedah pembelian menggunakan Fleet Card walaupun berlaku perubahan harga semasa di stesen minyak.

“Orang ramai diingatkan agar tidak ketinggalan dan melakukan permohonan dengan kadar segera bagi menikmati kelebihan SKDS 2.0,” ujarnya. 📸

Tekad bangkit selepas kehilangan insan tersayang

Eilisha Rania fokus SUKMA 2024

SABRINA SABRE

JIKA tahun lepas penerjun muda, Nur Eilisha Rania Muhammad Abrar Raj terpaksa melupakan sambutan Aidilfitri kerana sibuk dengan persiapan Sukan SEA di Kemboja, namun tahun ini dia sekali lagi terpaksa melupakan kemeriahan lebaran susulan kehilangan nenek tersayang pada 7 Februari lepas.

Atlet berusia 18 tahun itu berkata dia memilih untuk kekal di Majlis Sukan Negara (MSN) Bukit Jalil berbanding pulang ke kampung halaman di Kuching, Sarawak bagi menghilangkan rasa kosong yang membelenggu dirinya sejak pemergian arwah, Marina Allin pada usia 63 tahun.

Pemenang emas Kejohanan Terjun Terbuka Malaysia 2023 itu mengakui sambutan Aidilfitri tahun ini tidak bermakna baginya selepas kehilangan tulang belakang yang banyak memberikan semangat kepadanya dalam arena sukan berkenaan.

"Ini kali kedua saya tidak sambut Hari Raya sebab tahun lepas saya fokus Sukan SEA manakala tahun ini tidak sambut sebab nenek baru meninggal jadi tidak berapa elok untuk sambut apa-apa perayaan.

"Saya dengan nenek sangat rapat kerana setiap kali balik Sarawak, saya pasti akan singgah rumah dia dahulu baru pulang ke



ELISHA RANIA ketika beraksi dalam Kejohanan Akuatik Dunia di Doha.

rumah. Kalau saya dalam kejohanan atau kem latihan, dia selalu bertanya khabar jadi selepas dia meninggal dunia saya rasa kosong," kongsinya.

Dalam masa sama, Eilisha turut melahirkan rasa terkilan kerana mereka tidak dapat bertemu

buat kali terakhir dan mendapat perkhabaran duka ketika sedang menyertai Kejohanan Akuatik Dunia di Doha, Qatar.

"Saya sempat berjumpa dengan arwah pada November tahun lepas ketika pulang ke kampung. Saya pasti akan merindui kelazatan air

tangan kek lumut yang dibakar dengan penuh kasih sayang selain bebelan dan nasihat daripada nenek," ujarnya.

Enggan terus tenggelam dalam kedukaan, anak kepada bekas penerjun wanita Sarawak, Victory Emmy itu berkata dia kini fokus

Pencapaian Nur Eilisha Rania

2023 - Kejohanan Terjun Terbuka Malaysia - Emas


2023 - Sukan SEA - Tempat keempat

2016 - SUKMA - Tempat ketiga

kepada persediaan untuk beraksi di pentas Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 yang akan berlangsung di Bumi Kenyalang pada 17 hingga 24 Ogos ini.

Eilisha berkata untuk itu, dia akan meneruskan sesi latihan dengan jadual latihan yang sama.

"Bagi latihan SUKMA, jurulatih minta ikut jadual. Jadual saya waktu pagi adalah jalani rehabilitasi dan fisiologi selain latihan pada sebelah petang," ujarnya yang turut bercita-cita untuk layak ke Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles, Amerika Syarikat.

Di samping itu, Eilisha berkata berbekalkan semangat diberikan kedua ibu bapanya, dia tekad untuk bangkit dan mengharungi segala cabaran dalam arena sukan terjun negara pada masa hadapan. 

Asah bakat murid ceburi sukan bola keranjang

DIANA AMIR

BAGI mengembangkan lagi pembangunan sukan bola keranjang di peringkat sekolah rendah di sekitar Kuala Lumpur, Persatuan Bola Keranjang Kuala Lumpur (KLBA) menyampaikan sumbangan bola keranjang kepada 45 buah sekolah rendah terpilih.

Inisiatif sumbangan tersebut diadakan dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Bola Keranjang oleh Persatuan Bola Keranjang Kuala Lumpur (KLBA) yang bertempat di Auditorium, Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

Rata-rata guru yang hadir mewakili pihak sekolah teruja dengan sumbangan tersebut dan berharap agar sukan bola keranjang diberi pendedahan yang lebih khusus kepada murid sekolah rendah.

Menurut guru pengiring Persatuan Bola Keranjang Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Tembak 1, **Nor Amelia Mustafah**, ia merupakan sumbangan pertama yang diterima pihaknya memandangkan sukan tersebut baru sahaja diperkenalkan di sekolahnya.

"Ia merupakan tahun pertama kita perkenalkan sukan bola keranjang ini kepada murid-murid SK Padang Tembak 1 kerana lazimnya sukan ini lebih popular di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sahaja.

"Jadi untuk permulaan, sekiranya kita berjaya dapatkan peralatan dan kemudahan selengkapnya mungkin sukan



SEKITAR Majlis Penyerahan Sumbangan yang diadakan baru-baru ini.

ini boleh dikekalkan untuk tahun-tahun akan datang," katanya ketika ditemui selepas majlis.


Dalam masa sama, dia turut berterima kasih kepada KLBA yang sudi menyampaikan sumbangan.

"Kami menerima 10 biji bola keranjang yang baharu, semoga dengan inisiatif ini pembangunan sukan bola keranjang dapat pergi lebih jauh.

"Untuk permulaan kita hanya fokus kepada murid-murid perempuan sahaja dan diharapkan dengan sumbangan yang diterima dapat mengasah bakat mereka

lagi," katanya.

Sekolah yang terlibat adalah dari daerah Pudu, Bangsar, Sentul dan Keramat. Usaha ini turut disokong pihak Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

Turut hadir Pengarah MSWP, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh dan Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mewakili Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zainudin Mohamad. 


MPM sasar sifar masalah klasifikasi

MAJLIS Paralimpik Malaysia (MPM) berhasrat untuk membasmi masalah klasifikasi bagi atlet paralimpik pada temasya Para Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 yang berlangsung bermula 20 hingga 29 September ini di Kuching, Sarawak.

Menurut Presiden MPM, **Datuk Seri Megat D. Shahrudin Zaharudin**, hal berkenaan bertujuan untuk mengelakkan atlet daripada tidak dapat bertanding di temasya tersebut kerana masalah klasifikasi.

"Kita menyasarkan sifar masalah klasifikasi kerana mahu pastikan semasa temasya berlangsung tiada atlet yang tidak kesampaian untuk bertanding, jadi kita mahu semua atlet untuk melakukan klasifikasi di negeri masing-masing mengikut segala prosedur dan klasifikasi yang ditetapkan oleh ketua klasifikasi setiap negeri.

"Selain itu, kita tidak mahu membazir masa dan wang selain ingin memastikan hanya atlet yang layak sahaja untuk pergi ke Para SUKMA 2024," ujar beliau selepas merasmikan Majlis Penutup Kursus Klasifikasi Kebangsaan MPM baru-baru ini.

Megat berkata proses klasifikasi tersebut dapat menaikkan martabat Sukan Para SUKMA seperti temasya sukan antarabangsa yang lain iaitu tiada klasifikasi dibuat semasa temasya berlangsung. 

Obses media sosial

MEDIA sosial merupakan trend masa kini yang tidak boleh 'dipisahkan' dengan kehidupan. Celik sahaja mata, perkara pertama yang dilakukan adalah melihat apa yang terbaharu dalam media sosial.

Apa yang lebih membimbangkan apabila ada individu yang gemar berkongsi kisah peribadi sehingga sanggup membuka pekung sendiri demi meraih perhatian.

Penyanyi terkenal **Ziana Zain** mengakui media sosial amat diperlukan namun usahlah terlalu obses terhadapnya.

Bagi Ziana atau nama sebenarnya Siti Roziana Zain, 56, pengguna media sosial harus bijak menggunakan platform itu untuk kebaikan atau perkara-perkara yang membawa faedah.

"Bercakap pasal media sosial sebenarnya kita yang perlu kawal. Saya gunakannya untuk

hal kerja dan tak suka paparkan kehidupan peribadi terutamanya perihal anak-anak. Apa yang saya buat di rumah, itu kehidupan *personal*.


"Sehingga kadang-kadang kalau anda lihat, orang lain yang akan *upload* pasal saya. Bukan apa, kalau paparkan semua dah tak ada privasi. Kehidupan kita pun dah tak ada rahsia," katanya.

Katanya, dalam zaman media sosial ini, para peminat lebih mudah untuk mengakses kehidupan artis.

"Diri akan sentiasa diperhatikan dari hujung rambut ke hujung kaki. Jadi kena hadaplah. Kita tak boleh cagak tidak. Jadi kena faham situasi tu," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, apabila ditanya tentang jodoh, Ziana tidak berasa hati dan menganggap ia adalah perkara biasa.

Dalam pada itu, dia bakal menayakan Konsert Ziana Zain 2024 yang akan berlangsung di Mega Star Arena, Kuala Lumpur pada 25 Mei 2024.

Tiket dijual dengan harga bermula RM288 (Gold), RM488 (Platinum), RM688 (Diamond), RM888 (VIP 2) dan RM1,088 (VIP 1) di laman web www.ticket2u.com.my/Zianazain. 



Geng Kubur bukan sekadar seram

PELAKON yang semakin meningkat naik, **Mia Sara Shauki** mengaku tidak dapat melupakan kenangan manis sepanjang menjalani penggambaran filem *Geng Kubur* pada tahun lalu.

Mia Sara atau nama sebenarnya Mia Sara Afdlin Shauki, 24, berkata filem itu bukan semata-mata kisah seram, tetapi banyak mesej yang boleh dipelajari.

"Di sebalik kisah seram dalam *Geng Kubur* sebenarnya ada mesej tentang nilai persahabatan yang sukar untuk kita cari sekarang di mana persahabatan yang terjalin betul-betul ikhlas tanpa ada apa-apa niat lain.

"Bukan itu sahaja, perihal pentingnya hubungan dan kasih sayang dalam keluarga turut diterapkan. Kadang-kadang orang terlepas pandang elemen ini yang sebenarnya merupakan faktor penting dalam masyarakat kita.

"Setiap watak utama tidak menjalani kehidupan yang sempurna dan mereka perlu berhadapan isu yang melanda diri masing-masing. Boleh dikatakan, ada mesej yang ingin disampaikan kepada penonton.

"Saya harap, mesej-mesej sebegini sampai dan dapat dimanfaatkan. Itu yang lebih penting iaitu kesannya kepada jiwa," katanya.

Dalam filem *Geng Kubur* ini, Mia membawa watak utama sebagai Melati yang merupakan satu-satunya perempuan dalam kumpulan.

"Melati dan kawan-kawan baiknya dikenali sebagai *Geng Kubur* kerana sering lepak di kubur dan bercerita kisah yang seram. Mereka akan sebut nama seseorang, misalnya Adam. Jadi mereka cari kubur bernama Adam dan bercerita di kubur tersebut.

"Melati ni pula seorang yang suka baca akhbar tabloid yang berkaitan dengan tahyul. Dalam masa yang sama, Melati terlalu obses dengan kisah-kisah hantu," ujarnya.

Dalam masa sama, dia juga tidak dapat melupakan pengalaman sepanjang penggambaran filem *Geng Kubur* yang disifatkannya terbaik.


"Boleh saya katakan, ini adalah pengalaman manis yang tak mungkin saya lupakan. Baik pengarah, pelakon dan kru, semuanya terbaik.

"Disebabkan itu saya akan datang awal ke set penggambaran dan mulakannya dengan perasaan seronok. Ia secara tak langsung membuatkan saya lebih menghayati watak Melati," tambahnya lagi.

Selain Mia Sara, naskhah komedi seram, *Geng Kubur* arahan Gavin Yap ini turut menampilkan pelakon seperti Firdaus Sufiyan, Lion Chong dan Sasidearan.

Filem terbitan Iron Hill Media Sdn Bhd yang ditayangkan bermula Khamis lalu ini berkisar empat sekawan Firhan, Fang Liang, Prem dan Melati yang bersahabat baik dan sering menjadikan kubur tempat lepak mereka (kubur bukan Muslim).

Firhan yang kehilangan ibu akibat kemalangan 10 tahun lalu, masih tidak dapat melupakan ibunya dan dia sering bergaduh apabila emosinya terganggu.

Dia merasakan mimpinya adalah realiti dan percaya ibunya masih hidup dan mengajak kawan-kawannya pergi ke tempat kejadian untuk mencarinya. Semasa berada di hutan, pemikiran mereka telah dimanipulasi dan mereka mengalami pelbagai kejadian aneh yang menakutkan. 

Elak terpedaya video raih simpati

PLATFORM media sosial bukan sahaja digunakan untuk berhubung, merapatkan silaturahim dan berniaga, sebaliknya boleh dijadikan medan berbuat amal kebajikan seperti bersedekah.

Pelakon **Riezman Khuzaimi** berharap host *TikTok* di Malaysia tidak mudah terikut-ikut dengan budaya luar yang mengambil kesempatan demi kepentingan peribadi.

Ini kerana, terdapat segelintir mudah terpedaya dengan video atau gambar meraih simpati dalam media sosial.

"Banyak contoh yang tidak baik berlaku di luar negara. Ada yang menggunakan budak kecil kepala berbalut kemudian bagitahu yang anak tersebut sakit.

"Orang pun terpedaya dan berikan *gift* banyak-banyak. Namun, di Malaysia ini peraturannya ketat. Banyak perkara yang tidak boleh dilakukan.

"Sebagai contoh, saya tak boleh gunakan benda tajam ketika memasak, kongsi video seksi, asap rokok dan banyak lagi.

"Jadi, sebab itu saya didik para *host* ini untuk mencipta konten agar mereka dapat menjana pendapatan yang berkat dan tidak seperti minta sedekah," katanya.

Riezman berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pengenalan Duta bagi agensi *TikTok*, Kami Sempoi, baru-baru ini.

Menerusi platform tersebut, orang ramai boleh berhubung secara terus menerusi sesi siaran



langsung. Ia juga mampu menjadi salah satu punca pendapatan melalui pemberian hadiah berbentuk koin.

Namun di sebalik itu, Riezman akui terdapat pihak yang mengambil kesempatan dengan hanya menantikan '*gift*' tanpa berkongsi perkara bermanfaat.


Menurutnya, situasi ini yang membuatkan ramai pihak memberikan persepsi negatif dan menganggap para artis seperti peminta sedekah.

"Sejujurnya saya pun terasa dengan kenyataan tersebut. Bukan kerana mulut orang tapi saya yang

rasa sendiri. Saya tak seronok bila buat *live*, kita hanya menunggu *gift* sahaja walaupun saya tak minta.

"Namun, ada juga *TikTokers* yang mengambil kesempatan dengan meminta *gift* secara terus.

"Orang penat bekerja siang malam untuk dapat gaji pada hujung bulan tapi mereka sanggup habiskan RM500 untuk koin *TikTok* dan beri kepada kita," katanya.

Kami Sempoi merupakan agensi yang membantu hos siaran langsung *TikTok* bagi menguruskan kerjaya mereka sekali gus menjana pendapatan di platform digital itu. 



LAGU 'Alamak Raya Lagi' dendangan kumpulan De Fam menjadi trend dan ikutan ramai.

Trend 'Alamak Raya Lagi'

Usah melampau berjoget

SYED HAZIQUE

ZAMAN di mana dunia teknologi di hujung hari bukan sahaja memberi kebaikan bagi mereka yang bijak menggunakannya bahkan sebaliknya ia turut membawa anasir-anasir negatif yang menjurus kepada kemudaratannya khususnya kepada warga Muslim. Maka, dinasihatkan untuk lebih berhati-hati dalam memuat naik sebarang konten di media sosial bagi mengelakkan daripada mendatangkan keburukan di masa hadapan.

Kadangkala masyarakat mudah lupa, alpa atau lalai dengan keseronokan sehingga berlumba-lumba memuat naik konten sekadar untuk mengejar tontonan dan sebgainya.

Misalnya, ketika sambutan Aidilfitri baru-baru ini, ramai yang berjoget sakan tidak terkecuali wanita beragama Islam semata-mata ingin mengikut trend menari lagu 'Alamak Raya Lagi'.

Pendakwah bebas, **Zulkefly Adimun** berkata isu yang hangat adalah apabila tarian dan joget ini dilakukan oleh wanita dewasa dengan gaya yang kurang sopan, di khalayak, dirakam dan ditayangkan dengan aurat yang terbuka maka ia dilarang.

"Antara sebab larangan ialah apabila aurat wajib ditutup dengan rapi tanpa menampakkan rupa dan bentuk.

"Kedua pula, perlakuan yang menarik perhatian jantina lain juga tidak dibolehkan.

"Akhir sekali, rasa malu dan iman saling berkait, apabila hilang satu, yang lagi satu juga akan hilang," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Tambah Zulkefly, jika mahu berjoget dan terbuka aurat dibolehkan bergantung kepada keadaan iaitu sekiranya dalam kalangan keluarga yang mahram.

"Walau bagaimanapun, adapun hukum selain tempat tertutup dalam kalangan mahram ia adalah berbeza mengikut kepada kesesuaian. Selain itu, ia bergantung juga kepada jenis lagu dan lirik, sekiranya ia tidak bercanggah dengan syarak secara umumnya adalah dibenarkan untuk dilaung dan diperdengarkan," jelasnya.

Zulkefly berkata kaum lelaki dan juga perempuan mempunyai batasan aurat tersendiri yang perlu dijaga dengan sebaiknya.

"Sebagai seorang lelaki adalah diperintah untuk menundukkan pandangan, begitu juga wanita diperintahkan perkara sama. Lebih mudah bagi kita semua untuk menundukkan pandangan jika aurat orang sekeliling kita terjaga rapi.

"Jadilah kita manusia yang memberi manfaat kepada orang lain. Itulah tanda keimanan seseorang," katanya.

Beliau turut menegaskan, elakkan daripada memuat naik video sehingga mendedahkan aurat keluarga apabila sedang asyik mengikut trend.

"Seronok ketika beraya itu satu perkara, seronok memuat naik video pun satu perkara juga, kadang-kadang ibu saudara, nenek yang selalu jaga aurat tapi anak saudara yang terlebih seronok merekod segala perkara dalam rumah lantas mendedahkan aurat mereka.

"Macam saya sebut tadi keterujaan untuk mendapatkan jumlah tontonan yang banyak menyebabkan orang menjadi agak 'gila' hingga tidak sempat mempertimbangkan kewajaran.

"Kalau boleh perlu bijak bermain media sosial, perlu adanya batasan apa yang boleh dan tidak boleh dikongsi, jangan sibuk mengejar atau mengikut trend sehingga alpa mendatangkan kemudaratannya," tegasnya.

Menurut Zulkefly, trend sebegini jika dibiarkan dibimbangi akan membawa kepada masalah sosial kepada masyarakat.

"Jika dibiarkan tanpa teguran oleh sesiapa dibimbangi akan menjadi satu perkara yang normal pada masa hadapan melihat makcik-makcik, nenek-nenek, pakcik-pakcik dan atuk-atuk akan dilihat tidak segan silu untuk berjoget di khalayak tanpa mempedulikan adab dan tatasusila.

"Buatlah apa sahaja yang kita mahu, tetapi kenali batasannya agar kita tidak melampauinya. Sebaiknya kita jadikan Nabi SAW sebagai ikutan dan juga para sahabatnya bagi memandu kehidupan kita. Hanya ini yang menjadikan kita selamat di dunia dan akhirat," ujar beliau.



AFZANIZAM

Rebut ganjaran

SETELAH sebulan berpuasa, tibanya bulan Syawal bagi meraikan kemenangan umat Islam setelah berjaya mengawal nafsu di sepanjang bulan Ramadan.

Menjengahnya bulan Syawal yang ditunggu-tunggu, antara amalan sunat yang boleh dilakukan adalah ibadah puasa sunat enam hari yang mendapat ganjaran yang besar.

Rasulullah SAW telah menyebut bahawa sesiapa yang berpuasa Ramadan kemudian dilanjutkan dengan enam hari pada bulan Syawal, ia akan dianggap seperti berpuasa sepanjang tahun.

Pendakwah bebas, **Shahrin Abd Rahman** berkata puasa enam hari dalam bulan Syawal disarankan oleh Baginda yang boleh dilakukan sama ada secara berturut-turut atau terpisah.

"Puasa enam hari pada bulan Syawal mempunyai keutamaan yang istimewa. Meskipun puasa ini hanyalah sunat, tetapi mendapat ganjaran pahala yang besar bagi mereka yang melakukannya.

"Dan ia merupakan satu peluang terbaik untuk menambah lagi pahala amalan setelah berpuasa sebulan Ramadan," kata beliau ketika dihubungi.

Tambah Shahrin, selain itu terdapat nikmat lain yang dapat diperolehi bagi umat Islam yang menunaikannya.

"Puasa enam akan menggenapkan pahala berpuasa setahun penuh. Dalam masa sama, ia juga sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT dan juga menandakan bahawa puasanya berterusan, istiqamah dan bukan bermusim yakni setahun sekali.

"Bahkan ia akan

menambahkan ketakwaan yang merupakan jalan menuju ke syurga," jelasnya.

Menurut Shahrin, cara berpuasa enam hari yang paling terbaik dilakukan secara berturut-turut namun jika tidak mampu boleh dilaksanakan secara berselang.

"Paling afdal adalah berturut-turut selepas hari pertama bulan Syawal (iaitu mulai 2 Syawal). Walau bagaimanapun ia juga boleh dilakukan secara berselang-seli, berturut-turut atau mana-mana hari dalam bulan Syawal selain hari pertama Hari Raya Aidilfitri selain boleh menggabungkan sekali puasa enam serta puasa ganti," ujarnya.

Shahrin turut menjelaskan adalah lebih baik jika tidak berpuasa enam apabila mahu menerima tetamu.

"Meraikan tetamu adalah lebih afdal. Jadi puasa enam tidak menjadi halangan kerana terdapat kelonggaran di dalam menunaikannya," katanya.

Beliau turut menasihati mereka yang mahu melakukannya agar mengikut kekuatan diri untuk mengelakkan daripada memudaratkan kesihatan.

"Puasa enam adalah sunat sahaja dan tidak menjadi satu kewajipan kepada sesiapa yang tidak mampu terutama orang tua atau yang terlalu uzur. Berpuasa enam adalah untuk mendapat reda Allah dengan penuh keikhlasan hati.

"Dan kita tidak melakukan ibadah puasa semata-mata kerana ia menjadi satu kewajipan tetapi kerana rasa diri kita sebagai seorang hamba yang benar-benar bersungguh-sungguh untuk taqarrub kepada Allah SWT.

"Kerana itulah kata ulama, betapa malangnya orang yang hanya mengenal Allah pada bulan Ramadan sedangkan pada bulan lain Allah SWT dilupai," ujarnya.

